



DR. 1 TAHUN 2012
MALAYSIA



LAPORAN

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BERHUBUNG DENGAN PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA

DEWAN RAKYAT YANG KEDUABELAS PENGGAL KELIMA

DR. 1 TAHUN 2012

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Yang Keduabelas

(Penggal Kelima)

**LAPORAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
BERHUBUNG DENGAN PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA**

LAPORAN
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
BERHUBUNG DENGAN PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA

Pendahuluan

Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya telah ditubuhkan melalui Usul yang diluluskan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat pada 3 Oktober 2011. Terma rujukan yang telah dirumuskan oleh Jawatankuasa merangkumi meneliti undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pilihan raya Malaysia, mengkaji proses pilihan raya, usaha-usaha untuk menambah baik daftar pemilih, memperkukuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan mengkaji sistem alternatif lain dalam mengadakan pilihan raya.

Dalam melaksanakan tugas kerja, Jawatankuasa telah mengambil pendekatan dengan mengadakan sesi pendengaran awam, menerima pandangan dari emel melalui laman web Parlimen serta portal MyIdeas, siri prosiding mesyuarat Jawatankuasa, agihan tugas melalui pembentukan lima Jawatankuasa Kecil untuk memperhalusi isu berbangkit serta mengadakan Lawatan Kerja ke United Kingdom, Jerman dan Denmark dari 21 hingga 28 Februari 2012 bertujuan mendapatkan pendedahan sistem pilihan raya yang dijalankan dalam usaha untuk menambah baik sistem pilihan raya di Malaysia.

Sebanyak enam siri pendengaran awam telah diadakan bermula di Kuala Lumpur (11 - 12 Nov 2011), Kota Kinabalu (25 - 26 Nov 2011), Kuching (8 - 9 Dis 2011), Pulau Pinang (15 - 16 Dis 2011), Kota Bharu (7 - 8 Januari 2012) dan berakhir di Johor Bahru (12 - 13 Januari 2012). Dalam sesi pendengaran awam tersebut, sejumlah 106 persatuan / pertubuhan berdaftar serta individu telah membentangkan pandangan dan cadangan di hadapan Jawatankuasa.

Pada keseluruhannya, Jawatankuasa telah mengadakan 13 mesyuarat prosiding Jawatankuasa iaitu pada 12 Oktober, 1 November, 2 November, 10 November, 16 November, 29 Disember pada tahun 2011 dan 9 Februari, 6 Mac, 14 Mac, 20 Mac, 22 Mac, 27 Mac dan 28 Mac pada tahun 2012. Di samping itu, lima Jawatankuasa Kecil yang diketuai oleh Ahli Jawatankuasa telah turut memperhalusi isu-isu yang berbangkit dalam pendengaran awam yang telah diadakan.

Suatu Laporan (DR. 3 Tahun 2011) telah dibentangkan dan diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat pada 1 Disember 2011. Laporan tersebut mengandungi 10 syor awal Jawatankuasa iaitu mengenai penggunaan dakwat kekal, pengundian awal, pengundi tidak hadir luar negara, pengundi luar kawasan, penukaran kawasan pendaftaran (alamat pusat mengundi), pembersihan daftar pemilih, pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan, ketelusan proses mengundi, penambahbaikan proses pencalonan dan pengukuhan SPR.

Setelah mendapat pandangan daripada sesi pendengaran awam, maklum balas daripada Ahli-Ahli Jawatankuasa, rumusan hasil penelitian semua Jawatankuasa Kecil, serta pemerhatian semasa Lawatan Kerja, Jawatankuasa telah dapat mengenal pasti 22 syor bagi menambah baik proses pilihan raya yang terkandung dalam Laporan ini.

KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>	
• Pendahuluan	i	
• Kandungan	iii	
• Senarai Lampiran	vii	
BAHAGIAN I PENGENALAN		
	<u>Muka Surat</u>	
• Jawatankuasa dan Terma Rujukan	1	
• Pendekatan Tugas Kerja	3	
• Jawatankuasa Kecil	4	
BAHAGIAN II STATUS TINDAKAN TERHADAP SYOR-SYOR YANG TERKANDUNG DALAM LAPORAN JAWATANKUASA DR. 3/2011		
	<u>Muka Surat</u>	
• Status Tindakan terhadap Syor-Syor yang Terkandung dalam Laporan Jawatankuasa DR. 3/2011	7	
BAHAGIAN III PENDENGARAN AWAM		
	<u>Muka Surat</u>	
• Sesi Pendengaran Awam:		
- 8 dan 9 Dis 2011	Bilik Gerakan Negeri, Wisma Bapa Malaysia Kuching, Sarawak	17
- 15 dan 16 Dis 2011	Dewan Sri Pinang, Lebu Light, Pulau Pinang	20
- 7 dan 8 Jan 2012	Bilik Gerakan Negeri, Kota Bharu, Kelantan	23
- 12 dan 13 Jan 2012	Bilik Gerakan Tun Abdul Razak, Bangunan Sultan Ibrahim, Johor	25
BAHAGIAN IV LAWATAN KERJA		
	<u>Muka Surat</u>	
• Lawatan Kerja	29	

BAHAGIAN V RUMUSAN JAWATANKUASA KECIL UNTUK DIPERTIMBANGKAN SEBAGAI SYOR JAWATANKUASA	
	<u>Muka Surat</u>
• Jawatankuasa Kecil Meneliti Undang-Undang dan Peraturan Berkaitan dengan Pilihan Raya Malaysia	33
• Jawatankuasa Kecil Mengkaji Proses Pilihan Raya	37
• Jawatankuasa Kecil Menambah Baik Daftar Pemilih	40
• Jawatankuasa Kecil Memperkukuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya	47
• Jawatankuasa Kecil Mengkaji Sistem Alternatif dalam Mengadakan Pilihan Raya	50
BAHAGIAN VI LAPORAN MESYUARAT PADA 28 MAC 2012 BAGI MEMUKTAMADKAN SYOR-SYOR JAWATANKUASA	
	<u>Muka Surat</u>
• Laporan Mesyuarat pada 28 Mac 2012 bagi Memuktamadkan Syor-Syor Jawatankuasa	53
BAHAGIAN VII PANDANGAN DAN SYOR JAWATANKUASA	
	<u>Muka Surat</u>
• Perundangan dan Pindaan Peraturan	57
- Memberi kemudahan kepada rakyat Malaysia di luar negara sama ada mengundi di Perwakilan Malaysia atau secara pos	
- Memberi kemudahan mengundi secara pos kepada petugas SPR dan petugas media	
- Pengundi luar kawasan	
- Membenarkan prapendaftaran seseorang warganegara untuk didaftarkan sebagai pemilih apabila mencapai umur 20 tahun	
- Tarikh pembubaran Parlimen	
- Kerajaan sementara (<i>caretaker government</i>)	
- Penguatkuasaan peraturan sedia ada berhubung kesalahan memberikan maklumat palsu dalam urusan pendaftaran	

<ul style="list-style-type: none"> • Menambah Baik Proses Pilihan Raya 62 <ul style="list-style-type: none"> - Memanjangkan tempoh berkempen - Akses media yang bebas dan saksama 	62
<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan Mutu Daftar Pemilih 63 <ul style="list-style-type: none"> - Pembersihan daftar pemilih yang berterusan - Penelitian daftar pemilih bagi alamat-alamat yang mempunyai ramai pemilih berdaftar - Bantahan terhadap daftar pemilih yang telah diperakui melalui aduan atau maklum balas daripada parti politik, pertubuhan bukan kerajaan dan sebagainya - Kajian ke arah pendaftaran secara automatik - Penggunaan alamat selain alamat mastautin pada kad pengenalan sebagai alamat pendaftaran untuk menentukan bahagian pilihan raya 	63
<ul style="list-style-type: none"> • Memperkukuhkan Kedudukan SPR 67 <ul style="list-style-type: none"> - Memperkasakan kedudukan SPR - Penstrukturan dan pengukuhan SPR - Memperluaskan Akademi Pilihan Raya - Pengasingan fungsi utama SPR 	67
<ul style="list-style-type: none"> • Persempadanan, Pembiayaan Politik dan Sistem Alternatif 69 <ul style="list-style-type: none"> - Pengagihan kerusi Dewan Rakyat bagi negeri Sabah dan Sarawak - Persempadanan bahagian pilihan raya yang seimbang - Peruntukan dana kepada parti politik - Cadangan sistem pilihan raya baru 	69
<ul style="list-style-type: none"> • Rumusan Jawatankuasa 72 	72
BAHAGIAN VIII	
PENGHARGAAN	
	<u>Muka Surat</u>
<ul style="list-style-type: none"> • Penghargaan 73 	73

SENARAI LAMPIRAN

- **LAMPIRAN 1** (*Naskah berasingan*)
 - Isu-isu yang Dibangkitkan Dalam Sesi Pendengaran Awam
- **LAMPIRAN 2**
 - Keputusan semakan daftar pemilih di laman web SPR
- **GAMBARAJAH A**
 - Pelan susun atur dalam tempat mengundi
- **CAKERA PADAT**
 - Lampiran 1 – Isu-isu yang Dibangkitkan Dalam Sesi Pendengaran Awam
 - Laporan Prosiding
 - Memorandum

DR. 1 TAHUN 2012

LAPORAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS BERHUBUNG DENGAN PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA

BAHAGIAN I

PENGENALAN

Jawatankuasa dan Terma Rujukan

1. Dewan Rakyat pada hari Isnin, 3 Oktober 2011 telah meluluskan Usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mencadangkan:

“**BAHAWA** mengikut Peraturan 81 (1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Majlis ini mengambil ketetapan berikut:

- (a) Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya dilantik bagi mengkaji perkara-perkara berkaitan proses pilihan raya Malaysia;
- (b) Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut hendaklah terdiri daripada sembilan (9) Ahli Dewan Rakyat seperti yang berikut:
 - (i) lima (5) anggota daripada Barisan Nasional (termasuk seorang Menteri sebagai Pengerusi);
 - (ii) tiga (3) anggota daripada pembangkang; dan
 - (iii) satu (1) anggota selain anggota daripada Barisan Nasional atau pembangkang. (Bebas)

Jika Pengerusi yang dipilih tidak hadir dalam sesuatu Mesyuarat, Jawatankuasa tersebut hendaklah memilih seorang Pengerusi dari kalangan Anggota-anggota Jawatankuasa yang hadir yang akan memegang jawatannya hanya pada hari ia dipilih itu sahaja;

- (c) Tempoh masa pelantikan Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut adalah selama enam (6) bulan. Jika Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut tidak dapat melaksanakan tugas-tugas yang diserahkan dalam tempoh tersebut, perkara ini hendaklah dibawa semula ke Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat bagi maksud pelantikan tempoh pelantikan;

- (d) Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut hendaklah mengkaji perkara-perkara yang akan memperkukuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan mengkaji proses pilihan raya yang bebas dan adil; dan
 - (e) Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut hendaklah menyiapkan dan membentangkan penyata Jawatankuasa yang mengandungi syor-syor berkaitan dan penyata Jawatankuasa tersebut hendaklah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk dipersetujui atau mengikut apa-apa cara yang diperintahkan oleh Majlis Mesyuarat tersebut.”
2. Jawatankuasa Pemilih telah bermesyuarat pada hari Selasa, 4 Oktober 2011 bagi menjalankan tugas yang diserahkan iaitu melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya. Penyata Jawatankuasa Pemilih telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada hari Rabu, 5 Oktober 2011. Ahli-ahli yang telah dilantik adalah:
- (i) YB Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili;
(Ahli bagi Kawasan Kota Marudu)
(Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi) sebagai Pengerusi
 - (ii) YB Dato’ Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad;
(Ahli bagi Kawasan Kangar)
 - (iii) YB Tan Sri Dr. Fong Chan Onn;
(Ahli bagi Kawasan Alor Gajah)
 - (iv) YB Datuk Alexander Nanta Linggi;
(Ahli bagi Kawasan Kapit)
 - (v) YB Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan;
(Ahli bagi Kawasan Hulu Selangor)
 - (vi) YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali;
(Ahli bagi Kawasan Gombak)
 - (vii) YB Tuan Loke Siew Fook;
(Ahli bagi Kawasan Rasah)
 - (viii) YB Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli; dan
(Ahli bagi Kawasan Kuala Krai)
 - (ix) YB Tuan Wee Choo Keong;
(Ahli bagi Kawasan Wangsa Maju).

3. Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (selepas ini dirujuk sebagai “Jawatankuasa”) dengan ini membentangkan Laporan Jawatankuasa kepada Majlis seperti ketetapan-ketetapan di atas.

Pendekatan tugas kerja

4. Pemberitahu Jawatankuasa ini telah disiarkan di laman web Parlimen (<http://www.parlimen.gov.my>) yang turut mengandungi kelulusan penubuhannya, tujuan penubuhannya, Ahli-ahli Jawatankuasa serta jadual dan tarikh-tarikh pendengaran awam. Cadangan juga boleh dihantar melalui emel (jkpilihanraya@parlimen.gov.my) atau portal MyIdeas (<http://www.myideas.my/isp/>). Capaian kepada Akta & Peraturan-Peraturan Pilihan Raya di laman web SPR turut disediakan di laman web tersebut.
5. Selepas dua sesi pendengaran awam diadakan, Jawatankuasa telah menyediakan suatu Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (“Laporan”) [DR. 3 Tahun 2011] dan telah dibentang dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 1 Disember 2011.
6. Selepas Laporan itu dibentangkan, Jawatankuasa telah mengadakan 8 kali Mesyuarat seperti yang berikut:
 - (a) mesyuarat keenam pada Khamis, 29 Disember 2011 bagi membincangkan isu-isu lanjutan daripada taklimat SPR ketika sesi pendengaran awam di Pulau Pinang serta demonstrasi berkenaan proses pengundian, proses pengiraan undi dan penggunaan dakwat kekal;
 - (b) mesyuarat ketujuh diadakan pada Khamis, 9 Februari 2012 bagi membincangkan laporan persediaan terkini SPR menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-13 dengan mengambil kira syor-syor Jawatankuasa, perbincangan mengenai Lawatan Kerja Jawatankuasa ke United Kingdom, Jerman dan Denmark dan perbincangan mengenai perkara-perkara berbangkit sepanjang sesi pendengaran awam yang telah diadakan;
 - (c) mesyuarat kelapan pada Selasa, 6 Mac 2012 bertujuan membincangkan perkara-perkara yang berbangkit dalam sesi pendengaran awam;
 - (d) mesyuarat kesembilan pada Rabu, 14 Mac 2012 bagi mendengar taklimat berkenaan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh SPR terhadap cadangan dan syor penambahbaikan proses pilihan raya;

- (e) mesyuarat kesepuluh pada Selasa, 20 Mac 2012 bertujuan membincangkan laporan Jawatankuasa yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat;
- (f) mesyuarat kesebelas pada Khamis, 22 Mac 2012 bertujuan membincangkan laporan Jawatankuasa yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat;
- (g) mesyuarat kedua belas pada Selasa, 27 Mac 2012 bertujuan membincangkan laporan Jawatankuasa yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat; dan
- (h) mesyuarat ketiga belas pada Rabu, 28 Mac 2012 bagi memuktamadkan syor-syor Jawatankuasa yang juga melibatkan syor yang perlu diputuskan melalui proses belah bahagi.

Jawatankuasa Kecil

7. Terma rujukan yang telah diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa pada 12 Oktober 2011 adalah terpakai seperti yang berikut:
 - (i) meneliti undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pilihan raya Malaysia;
 - (ii) mengkaji proses pilihan raya;
 - (iii) usaha untuk menambah baik daftar pemilih;
 - (iv) memperkukuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR); dan
 - (v) mengkaji sistem alternatif lain dalam mengadakan pilihan raya.
8. Senarai 5 Jawatankuasa Kecil dan anggotanya yang telah ditubuhkan pada 12 Oktober 2011 adalah seperti yang berikut:

Bil	Nama	Jawatan	Agensi
1.	<u>Meneliti Undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan Pilihan Raya Malaysia</u>		
	a. YB Dato' Seri Radzi Sheikh Ahmad (Kangar)		
	b. YB Tuan Wee Choo Keong (Wangsa Maju)		
	i. Harun Che Su	Timbalan Setiausaha (Agensi Teraju)	SPR
	ii. Azhar Yusof	Penasihat Undang-Undang	SPR
	iii. Siti Zauyah Osman	Setiausaha Bahagian	KDN
	iv. Zarifah Zulghaffar	Penasihat Undang-Undang	JPN
v. Noor Rosidi Ab Latiff	Penasihat Undang-Undang	Parlimen	
vi. Amisyahrizan Amir Khan	Ketua Penolong Setiausaha (Penyelaras)	Parlimen	

Bil	Nama	Jawatan	Agensi
2.	<u>Mengkaji proses pilihan raya</u>		
	a. YB Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan (Hulu Selangor)		
	b. YB Tuan Mohamed Azmin Ali (Gombak)		
	i. Dato' Noordin Che Ngah	Timbalan Setiausaha (Pilihan Raya) (Agensi Teraju)	SPR
	ii. Nik Nurashikin Nik Mansor	Timbalan Pengarah Kewarganegaraan	JPN
	iii. Ahmad Rozian Abd Ghani	Setiausaha Bahagian Penerangan dan Diplomasi Awam	KLN
	iv. Ismajuri Ismail	Penolong Pesuruhjaya	SPRM
	v. Hj Zaharin Hj Zainudin	Timbalan Setiausaha Bahagian	Penerangan
	vi. Masri Jeman	Timbalan Pengarah Bahagian NKRA	SPRM
vii. SAC Dato' Hj. Mohd Aris Ramli	Ketua Penolong Pengarah Pentadbiran / Penyelidikan, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil	PDRM	
viii. Zulfazly Mohamed	Penolong Setiausaha (Penyelaras)	Parlimen	
3.	<u>Usaha untuk menambah baik daftar pemilih</u>		
	a. YB Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili (Kota Marudu)		
	b. YB Tuan Loke Siew Fook (Rasah)		
	i. Hj Kamaruddin Hj Keling	Pengurus ICT (Agensi Teraju)	SPR
	ii. Rafidah Datu Derin	Timbalan Setiausaha Bahagian Pendaftaran dan Pertubuhan	KDN
	iii. Laila Majid	Timbalan Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat	JPN
	iv. Dato' Abdul Wahab Abdullah	Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif	MIMOS
	v. Lt Kol Hamdan Yaccob	Pengurus ICT	MinDef
	vi. Dzulkefly Abdullah	Ketua Penolong Setiausaha	KLN
vii. SAC Dato' A. Rahman Ahmad	Urus Setia Seksyen Penyelidikan dan Keurusetiaan, Cawangan Khas	PDRM	
viii. Wan Kamarul Ariffin Wan Ibrahim	Penolong Setiausaha (Penyelaras)	Parlimen	
4.	<u>Memperkukuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)</u>		
	a. YB Tan Sri Dr. Fong Chan Onn (Alor Gajah)		
	b. YB Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli (Kuala Krai)		
	i. Suhaimi Saudi	Setiausaha Bahagian (Sumber Manusia) (Agensi Teraju)	SPR
	ii. Amirul Amrie Hasnul	Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Pendaftaran dan Pertubuhan)	KDN
	iii. Junipah Wandu	Timbalan Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan	SPRM
iv. SAC Hasanudin Hasan	Ketua Penolong Pengarah Perjawatan, Jabatan Pengurusan	PRDM	
v. Che Seman Pa Chik	Setiausaha Bahagian (Penyelaras)	Parlimen	

Bil	Nama	Jawatan	Agensi
5.	Mengkaji sistem alternatif lain dalam mengadakan pilihan raya		
	a. YB Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit)		
	b. YB Tuan Wee Choo Keong (Wangsa Maju)		
	i. Mohamed Mokhtar Ahmad	Pegawai Latihan Akademi Pilihan Raya (Agensi Teraju)	SPR
	ii. Ruslan Alias	Penolong Pengarah Kad Pengenalan	JPN
	iii. SAC Abdul Hamid Mohd Ali	Komander Pasukan Simpanan Persekutuan, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri / Ketenteraman Awam	PDRM
	iv. Lt. Kol. Omar Daud	Penolong Setiausaha	MinDef
	v. Daniel Dajin	Penolong Penguasa	SPRM
	vi. Aneurin Ignatius	Penolong Setiausaha	KLN
	vii. Hj Abdul Rauf Jamalis	Ketua Penolong Pengarah	Penerangan
viii. Hamidah Nazri	Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan	SPRM	
ix. Mohd Ikram Rahimi	Penolong Setiausaha Kanan (Penyelaras)	Parlimen	

9. Jawatankuasa telah menemui wakil pertubuhan-pertubuhan/persatuan-persatuan yang berdaftar dan individu dalam sesi pendengaran awam di tempat dan tarikh yang berikut:

TARIKH	TEMPAT
8 dan 9 Disember 2011 (Khamis dan Jumaat)	Bilik Gerakan Negeri, Wisma Bapa Malaysia, Petrajaya, Kuching, Sarawak
15 dan 16 Disember 2011 (Khamis dan Jumaat)	Dewan Sri Pinang, Lebu Light, Pulau Pinang
7 dan 8 Januari 2012 (Sabtu dan Ahad)	Bilik Gerakan Negeri, Kota Darul Naim, Kota Bharu, Kelantan
12 dan 13 Januari 2012 (Khamis dan Jumaat)	Bilik Gerakan Tun Abdul Razak, Bangunan Sultan Ibrahim, Johor Bahru, Johor

10. Selain Mesyuarat dan sesi pendengaran awam, Jawatankuasa juga telah mengadakan Lawatan Kerja ke London, United Kingdom pada 21 hingga 22 Februari 2012. Seterusnya, Jawatankuasa telah ke Frankfurt, Jerman pada 23 Februari 2012 serta ke Berlin pada 24 hingga 25 Februari 2012. Lawatan Kerja berakhir di Copenhagen, Denmark pada 26 hingga 28 Februari 2012.

BAHAGIAN II

STATUS TINDAKAN TERHADAP SYOR-SYOR YANG TERKANDUNG DALAM LAPORAN JAWATANKUASA DR. 3/2011

BIL.	SYOR YANG DIKEMUKAKAN	ULASAN AGENSI	TINDAKAN
(1)	Penggunaan dakwat kekal dan bantuan kepada Orang Kelainan Upaya (OKU)	SPR bersetuju dengan cadangan ini untuk dilaksanakan dalam Pilihan Raya Umum Ke-13.	<p>(a) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2012 [P.U (A) 43/2012] yang mengandungi peruntukan mengenai penggunaan dakwat kekal dan membenarkan orang yang dipercayai oleh OKU membantunya dalam urusan mengundi telah diwartakan pada 13 Februari 2012 dan mula berkuat kuasa pada 15 Februari 2012;</p> <p>(b) P.U (A) 43/2012 akan dibentangkan di Parlimen menurut kehendak seksyen 17 Akta Pilihan Raya 1958;</p> <p>(c) Taklimat mengenai undang-undang berhubung dengan penggunaan dakwat kekal sedang dijalankan kepada petugas pilihan raya yang terlibat; dan</p> <p>(d) Program pendidikan pengundi berhubung dengan perkara ini sedang diperhalusi dan akan dimuktamadkan.</p>
(2)	A) Pengundian awal	SPR bersetuju dengan cadangan ini untuk dilaksanakan dalam Pilihan Raya Umum Ke-13.	(a) Pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 telah digubal bagi memasukkan peruntukan mengenai pengundian awal. Draf pindaan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara dan sedang disemak untuk kelulusan;

BIL.	SYOR YANG DIKEMUKAKAN	ULASAN AGENSI	TINDAKAN
			<p>(b) Peruntukan mengenai pengundian awal juga melibatkan pindaan berbangkit kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003;</p> <p>(c) Borang-borang di dalam kedua-dua peraturan yang tersebut di atas serta borang-borang baru juga telah dipinda dan disemak oleh Jabatan Peguam Negara;</p> <p>(d) Taklimat mengenai undang-undang berhubung dengan pengundian awal sedang dijalankan kepada petugas pilihan raya yang terlibat; dan</p> <p>(e) Program pendidikan pengundi berhubung dengan perkara ini sedang diperhalusi dan akan dimuktamadkan.</p>
	<p>B) Pengundian awal bagi doktor, jururawat dan wartawan</p>	<p>SPR telah memutuskan pengundian awal pada peringkat ini adalah terhad kepada anggota tentera, polis dan pasangan. Walau bagaimana pun, SPR sedia mempertimbangkan memberi kemudahan mengundi secara pos kepada doktor, jururawat dan wartawan.</p>	<p>(a) SPR telah mengadakan perbincangan dengan Ketua Pengarah Kesihatan berhubung dengan cadangan untuk membolehkan doktor dan jururawat mengundi secara pos. SPR dimaklumkan bahawa tiada keperluan di peringkat Kementerian untuk doktor dan jururawat mengundi awal atau secara pos; dan</p> <p>(b) SPR telah mengadakan perbincangan dengan Ketua Pengarang dan wartawan berhubung dengan cadangan membolehkan mereka mengundi secara pos. Mereka pada dasarnya bersetuju dan SPR tiada halangan berhubung dengan cadangan ini.</p>

BIL.	SYOR YANG DIKEMUKAKAN	ULASAN AGENSI	TINDAKAN
(3)	<p>Meluaskan kategori pengundi tidak hadir luar negara kepada semua warganegara Malaysia yang layak</p>	<p>SPR tidak bersetuju untuk meluaskan kategori pengundi tidak hadir luar negara kepada semua warganegara Malaysia yang layak mahupun dibenarkan mengundi awal di Perwakilan Malaysia atas sebab-sebab logistik dan praktikaliti. Walau bagaimanapun, SPR bercadang untuk memberi kemudahan mengundi secara pos kepada warganegara yang berada di luar negara selain PTH tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang sedang dimuktamadkan memandangkan kebanyakan negara luar ada mengenakan syarat-syarat tertentu bagi warganegaranya yang berada di luar negara untuk mengundi.</p>	<p>(a) SPR bercadang mengenakan syarat yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Telah mendaftar sebagai pemilih; dan (ii) Hendaklah balik ke Malaysia sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun terdahulu sehingga pada tarikh memohon untuk mengundi sebagai pengundi pos. <p>(b) Bagi membolehkan syarat-syarat tersebut dikuatkuasakan SPR akan berbincang dengan pihak-pihak berkuasa terlibat bagi memastikan pelaksanaan yang lebih berkesan.</p> <p>(c) Setelah dasar berhubung dengan cadangan ini diluluskan dan syarat-syarat itu dimuktamadkan SPR akan mengambil tindakan untuk meminda undang-undang yang berkenaan.</p>
(4)	<p>Pengundi Kawasan Luar</p>	<p>SPR belum bercadang untuk melaksanakannya pada PRU-13 tetapi akan meneliti syor ini dengan lebih lanjut khususnya hal yang melibatkan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan isu "mastautin" yang ditetapkan sebagai salah satu syarat kelayakan sebagai pemilih.</p>	<p>Peruntukan sedia ada dikekalkan.</p>

BIL.	SYOR YANG DIKEMUKAKAN	ULASAN AGENSI	TINDAKAN
(5)	Penukaran kawasan pendaftaran disertakan dengan surat akuan berkanun	SPR tidak bersetuju dengan cadangan ini kerana ia akan membebankan pemilih yang hendak membuat permohonan pertukaran kawasan pendaftaran (tukar alamat pusat mengundi). Ini memandangkan bahawa apa-apa akuan berkanun hendaklah dibuat di hadapan Pesuruhjaya Sumpah yang pada hakikatnya khidmatnya terhad kepada kawasan tertentu sedangkan pemilih datangnya daripada seluruh pelusuk negara. SPR dalam menambah baik proses pilihan raya sentiasa berpegang kepada prinsip memudahkan pemohon dan bukannya menyusahkan.	Peruntukan sedia ada dikekalkan.
(6)	Daftar pemilih		
	(A) Pembersihan daftar pemilih	SPR sentiasa dari semasa ke semasa melaksanakan pembersihan daftar pemilih mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa dan mendapat kerjasama daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Polis DiRaja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia dan pihak berwajib yang lain.	SPR akan terus melaksanakan proses pembersihan daftar pemilih mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.
	(B) Kerjasama dengan MIMOS untuk membantu dalam urusan pembersihan daftar pemilih SPR.	SPR bersetuju dengan cadangan ini bagi memastikan pembersihan daftar pemilih dapat dijalankan.	(a) SPR dan JPN atas syor Jawatankuasa telah memberi kerjasama kepada MIMOS Berhad untuk membuat verifikasi terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam syor itu. (b) Hasil verifikasi oleh MIMOS terhadap daftar pemilih SPR sehingga 15 Februari 2012

BIL.	SYOR YANG DIKEMUKAKAN	ULASAN AGENSI	TINDAKAN
			<p>adalah seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Tiada rekod bertindih ditemui dalam daftar pemilih, untuk nombor kad pengenalan 12 angka, Nombor Perkhidmatan Tentera dan Nombor Perkhidmatan Polis; (ii) Tidak terdapat nama pemilih yang telah meninggal dunia dalam daftar pemilih; (iii) Tidak terdapat pemilih yang bukan bertaraf warganegara dalam daftar pemilih; (iv) Tiada terdapat pemilih yang berumur kurang 21 tahun dalam daftar pemilih; dan (v) Terdapat seramai 21,807 pemilih berumur 90 tahun dan ke atas dalam daftar pemilih;
	<p>(C) Pemerakuan semula daftar pemilih bagi negeri Sabah</p>	<p>SPR tidak bercadang untuk memperakuan semula daftar pemilih bagi negeri Sabah.</p>	<p>SPR akan menumpukan kepada usaha-usaha pembersihan bagi daftar pemilih di negeri Sabah dengan mengambil kira latar belakang pendaftaran pemilih di negeri Sabah dengan bantuan JPN.</p>
	<p>(D) Penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat dakwaan terdapatnya warganegara asing yang diberikan kerakyatan dan mendaftar sebagai pemilih terutamanya di negeri Sabah</p>	<p>SPR tiada kuasa berhubung dengan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat dakwaan terdapatnya warganegara asing yang diberikan kerakyatan dan mendaftar sebagai pemilih terutamanya di negeri Sabah.</p>	<p>SPR bersedia memberi kerjasama apabila Suruhanjaya itu ditubuhkan.</p>

BIL.	SYOR YANG DIKEMUKAKAN	ULASAN AGENSI	TINDAKAN
(7)	Pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan		
	(A) memanjangkan tempoh pameran kepada 14 hari	SPR bersetuju dengan cadangan ini bagi memberi peluang kepada pihak-pihak yang berkenaan lebih masa untuk menyemak Rang Daftar Pemilih Tambahan bagi maksud mengemukakan apa-apa tuntutan atau bantahan.	Pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 telah digubal bagi memasukkan peruntukan memanjangkan tempoh pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan. Draf pindaan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara dan sedang disemak untuk kelulusan.
	(B) membatalkan kadar fi RM10 yang dikenakan kepada pembantah	SPR tidak bersetuju untuk membatalkan kadar fi RM10 yang dikenakan kepada pembantah bagi setiap orang yang dibantah kerana SPR bukanlah badan yang menjana hasil pendapatan.	Peruntukan sedia ada dikekalkan.
	(C) membatalkan had maksimum bilangan orang yang hendak dibantah	SPR bersetuju untuk menaikkan had maksimum bilangan orang yang boleh dibantah daripada 10 orang kepada 20 orang.	Pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 telah digubal bagi memasukkan peruntukan untuk menaikkan had maksimum bilangan orang yang boleh dibantah. Draf pindaan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara dan sedang disemak untuk kelulusan.
	(D) Bantahan terhadap daftar pemilih induk	SPR tidak bersetuju dengan cadangan untuk meminda peraturan sedia ada bagi membolehkan bantahan dibuat terhadap daftar pemilih induk.	Peruntukan sedia ada dikekalkan.

BIL.	SYOR YANG DIKEMUKAKAN	ULASAN AGENSI	TINDAKAN
(8)	Ketelusan proses mengundi		
	(A) Nombor Siri Kertas Undi	<p>(a) SPR memutuskan untuk mengekalkan nombor siri pada kertas undi bagi tujuan yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) merekod pengeluaran kertas undi semasa proses pengeluaran; dan (ii) membuat pengesanan sekiranya terdapat lebih kertas undi di dalam peti undi semasa proses pengiraan undi. <p>(b) Dalam hal ini kerahsiaan undi adalah terjamin memandangkan kertas undi yang dikeluarkan kepada pengundi tanpa mengambil kira kedudukan nombor siri dalam daftar pemilih pilihan raya yang digunakan. Selain itu, nombor kertas undi adalah unik dan diperuntukkan bagi suatu saluran sahaja. Oleh yang demikian, kemasukan kertas undi lain kepada saluran berkenaan dapat dikawal sepenuhnya.</p>	Peruntukan sedia ada dikekalkan.
	(B) Mengenal Pasti Pengundi Yang Hadir	SPR bersetuju untuk mengubah pelan susun atur dalam sesuatu tempat mengundi bagi menunjukkan ketelusan proses pengundian dalam tempat mengundi dan bagi memastikan kerahsiaan sesuatu undi itu adalah terpelihara.	SPR telah membuat simulasi berhubung dengan susun atur dalam sesebuah tempat mengundi pada mesyuarat bertarikh 29 Disember 2011 dan Jawatankuasa bersetuju dengan susun atur itu. Pelan susun atur dalam tempat mengundi adalah seperti di GAMBARAJAH A.

BIL.	SYOR YANG DIKEMUKAKAN	ULASAN AGENSI	TINDAKAN
	(C) Proses Ulang Kira Kertas Undi	SPR tidak bercadang untuk mengadakan proses ulang kira di Pusat Penjumlahan Rasmi Undi kerana berdasarkan kepada peruntukan terdahulu yang telah pun dipinda, ia tidak mempengaruhi keputusan pilihan raya malahan melibatkan masa yang panjang, kos yang tinggi dan faktor keselamatan peti undi. Peruntukan sedia masih memberi peluang kepada mana-mana calon atau ejen mengira undi untuk memohon proses ulang kira dibuat di tempat mengundi mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.	Peruntukan sedia ada dikekalkan.
	(D) Penandaan Kertas Undi Yang Seragam	SPR memutuskan untuk mengekalkan kaedah sedia ada kerana apa yang penting adalah niat pengundi untuk memilih calon dengan membuat tanda selain tanda 'X' selepas proses undi ragu diputuskan yang melibatkan ejen mengira undi yang hadir.	Jawatankuasa bersetuju dengan keputusan SPR dan peruntukan sedia ada dikekalkan.
(9)	Penambahbaikan proses pencalonan		
	(A) Pemansuhan proses bantahan pada hari penamaan calon (B) Pemansuhan tempoh penarikan balik pencalonan	SPR bersetuju dengan cadangan ini kerana ia akan memudahkan lagi proses pada hari penamaan calon tanpa melibatkan bantahan yang tidak munasabah.	Draf pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 telah digubal bagi memasukkan peruntukan mengenai cadangan ini. Draf pindaan telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara dan sedang disemak untuk kelulusan.

BIL.	SYOR YANG DIKEMUKAKAN	ULASAN AGENSI	TINDAKAN
(10)	Pengukuhan SPR		
	(A) Peruntukan undang-undang mengenai kebebasan SPR	SPR bersetuju jika pengukuhan SPR khususnya kebebasan mutlak diperuntukkan dalam undang-undang.	SPR sedang mengkaji peruntukan undang-undang yang berkenaan untuk ditambah baik bagi memberi SPR kuasa bagi memastikan kebebasan mutlak dalam menjalankan fungsinya.
	(B) Pertambahan keperluan sumber manusia, menaik taraf perjawatan serta perubahan struktur organisasi sedia ada.	SPR memohon kefahaman Jawatankuasa dan mengambil kira akan kepentingan penambahan pegawai, tenaga kerja yang amat diperlukan bagi membolehkan syor-syor yang dicadangkan itu direalisasikan secara keseluruhannya memandangkan terlalu banyak pembaharuan yang ingin dibuat sekali gus dalam suatu masa tanpa mengambil kira tenaga kerja sedia ada yang amat terhad. Jawatankuasa juga dipohon agar dapat memahami akan kepentingan sesuatu kajian yang perlu dibuat terlebih dahulu sebelum sesuatu syor itu dapat dilaksanakan memandangkan kajian yang dibuat secara tergesa-gesa oleh tenaga kerja yang amat terhad akan mendatangkan banyak kelemahan dalam pelaksanaan sesuatu syor itu.	SPR telah mengadakan beberapa perbincangan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dan masih menunggu maklum balas berhubung dengan cadangan penstrukturan semula SPR.

BAHAGIAN III

PENDENGARAN AWAM

Sesi pendengaran awam

1. Jawatankuasa telah mengadakan sesi pendengaran awam dengan menemui wakil-wakil pertubuhan,persatuan yang berdaftar dan individu di tempat dan tarikh yang berikut:

**SESI PENDENGARAN AWAM
PADA 8 DAN 9 DISEMBER 2011
(KHAMIS & JUMAAT)
DI BILIK GERAKAN NEGERI, WISMA BAPA MALAYSIA
KUCHING, SARAWAK**

TARIKH / HARI	PERTUBUHAN / PERSATUAN / INDIVIDU	
8 Dis 2011 (Khamis)	1	Parti Keadilan Rakyat (PKR) Sarawak a. YB Tuan Baru Bian [ADUN Ba'kelalan] - <i>Pembentang</i> b. Encik See Chee How c. Encik Lee Mok Jee d. Encik Nicholas Bawin anak Anggat e. Encik Rosland anak Lambet f. Encik Sabaruddin bin Mohd. Yassim g. Cik Laynette Tan h. Encik Idris bin Bohari i. Encik Wan Zainul Abidin Wan Senusi j. Encik Zulrusdi Mohamad Hol k. Encik Ahmad Nazib Johari l. Encik Mohd. Yusof Baharuddin m. Encik Paul Bian
	2	SUHAKAM Sarawak Encik Sophian Osman - <i>Pembentang</i>
	3	Persatuan Sarawak Dayak Iban a. Encik Sidi Munan - <i>Pembentang</i> b. Encik Nicholas Mujah Anak Ason c. Encik Ruekeith @ Rukit anak Jampong

TARIKH / HARI	PERTUBUHAN / PERSATUAN / INDIVIDU	
8 Dis 2011 (Khamis)	4	<p>Parti DAP Sarawak</p> <ul style="list-style-type: none"> a. YB Tuan Wong Ho Leng [Ahli Parlimen Sibul] - <i>Pembentang</i> b. Encik Ting Kee Ing c. Encik Chong Siew Chiang d. YB Puan Violet Yong Wui Wui [ADUN Pending] e. Encik Bong Kuet Vui f. Encik Wong King Wei g. Puan Chiew Wang See h. Puan Chai Chui Chiek i. Encik Awang Saifuddin Awangku Karim
	5	<p>Parti Pusaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB)</p> <ul style="list-style-type: none"> a. YBhg. Dato' Sri Micheal Manyin Jawong [Naib Yang di-Pertua] - <i>Pembentang</i> b. YB Datuk Dr. Stephen Rundi anak Utom [ADUN Kemena]- <i>Pembentang</i> c. YB Tuan Hj. Abdul Karim Rahman Hamzah [ADUN Asajaya] - <i>Pembentang</i> d. YBhg. Dato' Awang Bemee Awang Ali Basah - <i>Pembentang</i> e. YB. Puan Hj. Nancy Shukri [Ahli Parlimen Batang Sadong] - <i>Pembentang</i> f. YB. Puan Hj. Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali [ADUN Samariang] g. YB Tuan Dennis Ngau [ADUN Telang Usan] h. YBhg. Datin Angelina Ujang i. Puan Elizabeth Deng j. Encik Daniel Jubang Kanyan k. Encik Richard Tawan anak Sedu l. Encik Petter George Segie m. Puan Sharifah Aisah binti Tuanku Fauzi n. Puan Aminah Fatimah binti Mohamad Junaidi o. Encik Liran Tajang p. YBhg. Datin Seniorita Linang q. Puan Fatimah @ Rokiah binti Temben r. Encik Jenguk anak Ngamo s. Encik Awangian Jamudin t. Puan Jenny Jita Eyir u. Puan Hj. Hanifah binti Sued v. Puan Umang Ngangku Jabu

TARIKH / HARI	PERTUBUHAN / PERSATUAN / INDIVIDU	
9 Dis 2011 (Jumaat)	1	Pertubuhan Kebangsaan Dayak Sarawak (SDNU) Encik Anthony Banyan - <i>Pembentang</i>
	2	Individu a. Tuan Hj. Wan Zainal Abidin bin Wan Senusi - <i>Pembentang</i> b. Encik Idris bin Bohari - <i>Pembentang</i>
	3	Individu a. Dr. Mohd. Faisal Syam bin Abdol Hazis - <i>Pembentang</i> b. Prof. Madya Dr. Andrew Charles Bernard Aerra - <i>Pembentang</i>
	4	Individu Encik Jeguk anak Ngamo - <i>Pembentang</i>
	5	Persatuan Media Sosial Sarawak a. Encik Wan Abdillah Edruce bin Dato' Seri Wan Abdul Rahman - <i>Pembentang</i> b. Encik Mohamad Safri bin Said
	6	Individu Encik Wong Piang Yow - <i>Pembentang</i>
	7	Individu Encik Tsai Song Lim - <i>Pembentang</i>

**SESI PENDENGARAN AWAM
PADA 15 DAN 16 DISEMBER 2011
(KHAMIS & JUMAAT)
DI DEWAN SRI PINANG, LEBUH LIGHT
PULAU PINANG**

TARIKH / HARI	PERTUBUHAN / PERSATUAN / INDIVIDU	
15 Dis 2011 (Khamis)	1	Parti Keadilan Rakyat (PKR) Pulau Pinang a. YB Tuan Sim Tze Sin [ADUN Pantai Jerjak] - <i>Pembentang</i> b. Encik Zakaria bin Abdul Hamid c. Encik Victor Seow Koo Teh d. Encik Ong Hock Aun e. Encik Ibnuataillah bin Hashim
	2	Individu a. Encik Ong Jing Cheng - <i>Pembentang</i> b. Cik Lee Hui Fei - <i>Pembentang</i> c. Encik Toh Kin Woon - <i>Pembentang</i>
	3	Parti Sosialis Malaysia (PSM) Cawangan Bayan Baru Encik Choo Chon Kai - <i>Pembentang</i>
	4	Majlis Dato'-Dato' Pulau Pinang YBhg. Dato' Tan Chong Meng - <i>Pembentang</i>
	5	Parti Cinta Malaysia (PCM) / Parti KITA a. Dr. Chin Wee Loon (PCM) - <i>Pembentang</i> b. Encik Dalbinder Singh Gill (KITA) - <i>Pembentang</i>
	6	Persatuan Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN) a. Dr. Francis Loh Kok Wah - <i>Pembentang</i> b. Dr. Mustafa Kamal bin Anuar - <i>Pembentang</i> c. Encik P. Ramakrishnan - <i>Pembentang</i> d. Encik Anil Netto - <i>Pembentang</i> e. Puan Angeline Loh - <i>Pembentang</i> f. Dr. Soon Chuan Yean g. Encik Henry Loh

TARIKH / HARI	PERTUBUHAN / PERSATUAN / INDIVIDU	
15 Dis 2011 (Khamis)	7	PAS Kedah a. Tuan Hj. Aris bin Awang - <i>Pembentang</i> b. Kapt. (B) Zambri bin Ibrahim - <i>Pembentang</i> c. Encik Zulkifli bin Ismail - <i>Pembentang</i>
	8	Individu Encik Utam Singh - <i>Pembentang</i>
	9	Individu Encik Lim Hong Hai - <i>Pembentang</i>
16 Dis 2011 (Jumaat)	1	Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM) a. Dr. Thor Teong Gee [Biro Informasi & Komunikasi] - <i>Pembentang</i> b. Dr. Lim Boon Han c. Encik Baljit Singh d. Encik Baghwant Singh
	2	Parti DAP Pulau Pinang a. YB Tuan Ng Wei Aik [ADUN KOMTAR] - <i>Pembentang</i> b. YB Tuan Tan Cheong Heng [ADUN Padang Lalang] c. Encik Soon Lip Chee
	3	Parti Progresif Rakyat (PPP) a. Puan Chye Ann Lee - <i>Pembentang</i> b. Encik Selvarajo Permal c. Encik Raja Segarem d. Encik Nachatar Singh e. Encik Muniandy a/l K. Perumal f. Puan Saraswathi Dewi a/p Saminathan g. Encik Andrew Rajah
	4	Individu Encik Ng Eng Kiat - <i>Pembentang</i>

TARIKH / HARI	PERTUBUHAN / PERSATUAN / INDIVIDU	
16 Dis 2011 (Jumaat)	5	Parti Keadilan Rakyat (PKR) Perak a. YB Tuan Chan Ming Kai [ADUN Simpang Pulai] - <i>Pembentang</i> b. Encik Mohamad Shahhanaz bin Nazarudin c. Puan Azlina binti Adnan
	6	MIC dan Putera MIC a. Encik Elango Govindasamy (MIC) - <i>Pembentang</i> b. Encik M. G. Senthelnathan (Putera MIC) - <i>Pembentang</i> c. Encik MDS. Paranjothi (MIC) d. Encik L. Muneshwaran (MIC)
	7	Individu a. Encik Ravinder Singh - <i>Pembentang</i> b. Encik Andrew Yong Yu I - <i>Pembentang</i> c. Encik Alvin Cheong Choi Keong - <i>Pembentang</i> d. Encik Tan Seng Keat - <i>Pembentang</i> e. Encik Kevin Lim

**SESI PENDENGARAN AWAM
PADA 7 DAN 8 JANUARI 2012
(SABTU & AHAD)
DI BILIK GERAKAN NEGERI, KOTA DARUL NAIM
KOTA BHARU, KELANTAN**

TARIKH / HARI	PERTUBUHAN / PERSATUAN / INDIVIDU	
7 Jan 2012 (Sabtu)	1	Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan <ol style="list-style-type: none"> a. Tuan Haji Nasir bin Daud - <i>Pembentang</i> b. Encik Wan Nik [Setiausaha Politik Menteri Besar Kelantan] c. Encik Azhari bin Abdul Rahman
	2	Dewan Pemuda PAS Kelantan <ol style="list-style-type: none"> a. Encik Mohammad Abdul Rashid bin Yah - <i>Pembentang</i> b. Encik Mohd. Nuri bin Mat Yaacob c. YB Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ADUN Mengkebang] d. Encik Syed Ahmad Fitri bin Said Omar
	3	Individu YB Tuan Haji Hanifa bin Ahmad [ADUN Pengkalan Pasir] - <i>Pembentang</i>
	4	Individu YB Dato' Haji Abdul Fatah bin Haron [ADUN Bukit Tuku] - <i>Pembentang</i>
	5	EXCO Kerajaan Negeri Kelantan <ol style="list-style-type: none"> a. YB. Dato' Abdul Fatah bin Mahmood [EXCO Kerajaan Negeri Kelantan] [ADUN Bukit Panau] - <i>Pembentang</i> b. YB. Tuan Hassan bin Mohamood [ADUN Tawang] - <i>Pembentang</i> c. YB. Wan Ahmad Lufti bin Wan Sulaiman [ADUN Kemuning] d. YB. Dato' Haji Mohd. Nassaruddin bin Haji Daud [Speaker DUN Kelantan] [ADUN Meranti] e. YB. Dr. Mohamed Fadzli bin Hassan [EXCO Kerajaan Negeri Kelantan] [ADUN Temangan]

TARIKH / HARI	PERTUBUHAN / PERSATUAN / INDIVIDU	
7 Jan 2012 (Sabtu)	6	Gabungan NGO Kelantan a. Encik Abdul Halim bin Yusof - <i>Pembentang</i> b. Encik Abdul Halim bin Wan Ismail - <i>Pembentang</i> c. Encik Ubaidah bin Yaakub
	7	Biro NGO PKR Kelantan a. Tuan Haji Abu Samah bin Hassan [Ketua Biro NGO] - <i>Pembentang</i> b. Cik Naziratul Aini bt Muhd Sayuty [Setiausaha Biro NGO PKR] - <i>Pembentang</i> c. Encik Muhammad Amirul Amri bin Mohd. Jaaffar - <i>Pembentang</i> d. Encik Muhammad Khairul Miqdat bin Mohd. Noran
	8	Individu Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh - <i>Pembentang</i>
	9	Individu YBhg. Dato' Haji Wan Mustapha bin Wan Abdul Hamid - <i>Pembentang</i>
	10	Individu Encik Ahmad Syauqey bin Abdul Ghani - <i>Pembentang</i>
8 Jan 2012 (Ahad)	1	Individu Encik Mohd. Noor bin Mat Yajid - <i>Pembentang</i>
	2	Individu Tuan Haji Mohd. Apandi bin Mohamad - <i>Pembentang</i>

**SESI PENDENGARAN AWAM
PADA 12 DAN 13 JANUARI 2012
(KHAMIS & JUMAAT)
DI BILIK GERAKAN TUN ABDUL RAZAK,
BANGUNAN SULTAN IBRAHIM, JOHOR**

TARIKH / HARI	PERTUBUHAN / PERSATUAN / INDIVIDU	
12 Jan 2012 (Khamis)	1	Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) a. Prof. James Chin - <i>Pembentang</i> b. Encik Wan Saiful bin Wan Jan - <i>Pembentang</i>
	2	Majlis Profesor Negara Prof. Dr. Mansor bin Mohd. Noor [Setiausaha Kluster Politik, Keselamatan dan Hubungan Antarabangsa] - <i>Pembentang</i>
	3	Individu Encik Abdul Hamid bin Yeop Zainuddin - <i>Pembentang</i>
	4	Individu a. YB. Dato' Teng Chang Khim [Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor] - <i>Pembentang</i> b. Encik Chan Kok Keong - <i>Pembentang</i> c. Lt Kdr Rosdi bin Mohamad
	5	Parti DAP Johor a. Encik Tan Hong Pin - <i>Pembentang</i> b. Encik Chen Kah Eng - <i>Pembentang</i> c. Cik Liow Yi Fei - <i>Pembentang</i> d. YB Tuan Er Teck Hwa [Ahli Parlimen Bakri] - <i>Pembentang</i> e. Encik Tan Chen Choon [Setiausaha DAP Johor] f. Cik Gan Peck Cheng g. Encik Tan Meng Ann h. Encik Marcus Sew Yu Xuan i. Encik Tang Chee Kia j. Encik Ahmad bin Ton

TARIKH / HARI	PERTUBUHAN / PERSATUAN / INDIVIDU	
12 Jan 2012 (Khamis)	6	Angkatan Amanah Merdeka (AMANAH) a. YBhg. Tan Sri Abdul Kadir bin Hj. Sheikh Fadzir - <i>Pembentang</i> b. Encik Wan Saiful bin Wan Jan
	7	Parti PKR Negeri Johor a. Encik Choong Shiau Yoon - <i>Pembentang</i> b. Encik Syed Hamid bin Ali - <i>Pembentang</i> c. Encik Liew Voon Chew d. Encik Saadon bin Abdullah
	8	Individu Encik Wong Piang Yow - <i>Pembentang</i>
	9	Individu Encik Husain bin Mahmood - <i>Pembentang</i>
13 Jan 2012 (Jumaat)	1	Institut Nasional Integriti Demokrasi dan Pilihan Raya (NIEI) a. Encik K. Shan - <i>Pembentang</i> b. Encik Amin Syah bin Iskandar - <i>Pembentang</i> c. Puan Ili Farhana binti Norhayat Merdeka Center Encik Tan Seng Keat - <i>Pembentang</i>
	2	Individu a. Encik Idris bin Abdul Hamid - <i>Pembentang</i> b. Encik Maamor bin Saad - <i>Pembentang</i> c. Encik Zainal Abidin bin Hussein - <i>Pembentang</i> d. Encik Abdul Halim bin Husin - <i>Pembentang</i>
	3	Civil Society Organization Centre for Independent Journalism (CIJ) Puan Masjaliza binti Hamzah - <i>Pembentang</i>
	4	Individu a. YBhg. Datuk Misri bin Ibrahim - <i>Pembentang</i> b. Encik Nor Izhar bin Hamzah - <i>Pembentang</i> c. Encik Muhamad Anis bin Md. Noh

2. Saksi-saksi yang terdiri daripada pertubuhan/persatuan berdaftar dan individu telah tampil ke hadapan semasa sesi pendengaran awam diadakan. Laporan prosiding dan memorandum yang berkaitan disertakan bersama ini di dalam bentuk cakera padat dan ianya juga boleh didapati di Pusat Sumber, Parlimen Malaysia.
3. Lima Jawatankuasa Kecil yang dibentuk telah mengadakan beberapa mesyuarat bagi memperhalusi setiap isu yang dibangkitkan semasa sesi pendengaran awam. Setiap cadangan yang diterima telah diteliti dan agensi berkaitan telah memberikan maklum balas dan ulasan terhadap isu yang dibangkitkan.
4. Isu-isu yang dibangkitkan dalam sesi pendengaran awam itu bagi setiap Jawatankuasa Kecil yang dibentuk adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

BAHAGIAN IV

LAWATAN KERJA

1. Jawatankuasa telah memulakan Lawatan Kerja ke London, United Kingdom (UK) pada 21 dan 22 Februari 2012. Seterusnya, Jawatankuasa telah ke Frankfurt, Jerman pada 23 Februari 2012 serta ke Berlin pada 24 dan 25 Februari 2012. Lawatan Kerja diteruskan ke Copenhagen, Denmark pada 26 hingga 28 Februari 2012.
2. Di UK, pada 22 Februari 2012, Jawatankuasa telah mengadakan perbincangan dengan beberapa pihak seperti yang berikut:
 - (i) Ahli-ahli Parlimen UK bagi membincangkan isu-isu berkenaan "*non-resident voters*", "*electoral fraud*", "*challenges of getting the vote out*", dan sebagainya;
 - (ii) *Electoral Reform International Services* (ERIS), sebuah NGO yang turut membantu dalam menambah baik institusi demokrasi serta proses-proses pilihan raya;
 - (iii) Forum terbuka bersama Ahli Parlimen UK dan *Speaker House of Commons*, Canada berkenaan perjalanan sistem Parlimen dan pilihan raya; dan
 - (iv) *Boundary Commission for England*, sebuah suruhanjaya yang bertindak selaku badan yang bertanggungjawab untuk mengkaji dan menentukan sesuatu bahagian pilihan raya di England.
3. Lawatan Jawatankuasa ke Frankfurt pada 23 Februari 2012 adalah seperti yang berikut:
 - (i) Pertemuan dengan Hon. Norbert Kartmann, *President of the Hessische Landtag (State Parliament of Hesse)*, Wiesbaden.
 - (ii) Pertemuan dengan *Der Bundeswahlleiter (The Federal Returning Officer)* yang merupakan pihak yang mengendalikan pilihan raya di Jerman.
4. Lawatan Jawatankuasa ke Berlin pada 24 Februari 2012 adalah seperti yang berikut:
 - (i) Pertemuan dengan *Konrad Adenauer Foundation* (KAS), sebuah badan pemikir Jerman yang terlibat secara langsung dalam proses pilihan raya di Jerman,
 - (ii) Mesyuarat bersama *Christian Democratic Union Party* (CDU), yang berkongsi berkenaan parti CDU dan pembiayaan parti politik; dan

- (iii) Lawatan ke *Federal Chancellery Building*, kompleks yang menempatkan pejabat rasmi Canselor Jerman.
5. Lawatan Jawatankuasa ke Copenhagen, Denmark pada 26 Februari 2012 adalah seperti yang berikut:
- (i) Taklimat dan lawatan ke *Parliament of Denmark*;
 - (ii) Pertemuan bersama *Lithotech-Bording*, sebuah syarikat yang membangunkan produk yang berkaitan dengan pilihan raya dan membekalkan penyelesaian teknikal (*technical solution*) kepada proses pendaftaran dan pilihan raya; dan
 - (iii) Mesyuarat bersama *Ministry of Economic and Interior Affairs*, Kementerian yang bertanggung jawab mengendalikan pilihan raya di Denmark.
6. Dalam kesemua lawatan yang telah diadakan itu, Jawatankuasa telah mengambil kesempatan untuk bertukar-tukar fikiran, berbincang dan bertanyakan soalan berhubung dengan perkara-perkara yang melibatkan pilihan raya.
7. Hasil daripada pertukaran fikiran, perbincangan dan lawatan ke negara-negara tersebut, Jawatankuasa telah mendapat pendedahan mengenai sistem pilihan raya yang dijalankan di negara tersebut yang boleh dipertimbangkan dalam usaha untuk menambah baik sistem pilihan raya di Malaysia dalam jangka masa panjang.
8. Jawatankuasa mendapati bahawa sistem pilihan raya yang diamalkan di UK adalah berasaskan sistem majoriti mudah ("*first-past-the-post*"), sama seperti yang diamalkan di Malaysia. Berbeza pula dengan sistem pilihan raya yang diamalkan di Jerman iaitu kombinasi sistem majoriti mudah ("*first-past-the-post*") dan perwakilan berkadaran ("*proportionate representation*"). Di Denmark, sistem yang digunakan adalah sistem pilihan raya secara perwakilan berkadaran ("*proportionate representation*").
9. Kaedah pendaftaran pengundi yang diamalkan di ketiga-tiga negara yang dilawati itu adalah sama iaitu mendaftarkan diri dengan pihak berkuasa tempatan yang akan menguruskan daftar pengundi. Ketiga-tiga negara berkenaan tidak mempunyai suatu daftar pengundi induk kebangsaan. Kesemua daftar pengundi dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan masing-masing.
10. Jerman dan Denmark mengamalkan pendaftaran pengundi secara automatik. Umur layak mengundi di ketiga-tiga negara itu adalah 18 tahun. Walau bagaimanapun terdapat cadangan di UK dan Denmark untuk menurunkan umur kelayakan mengundi kepada 16 tahun.

11. Di semua negara yang dilawati, apabila seseorang pengundi bertukar alamat ke suatu pihak berkuasa tempatan yang lain, maka pengundi tersebut diwajibkan untuk mendaftar semula alamat terkini pemastautinannya dengan pihak berkuasa tempatan itu.
12. Di UK, 3 pilihan raya dikendalikan secara berasingan, iaitu peringkat Parlimen (*Westminster*), kerajaan tempatan dan juga European Union (EU). Di Jerman, terdapat 3 pilihan raya dikendalikan secara berasingan, iaitu peringkat kerajaan negeri (*Landtag*), Parlimen (*Bundestag*) dan juga EU. Di Denmark, terdapat 2 pilihan raya diadakan iaitu Parlimen (*Folketing*) dan EU.
13. Tempoh maksimum Parlimen bagi UK ialah 5 tahun. Di Jerman tempoh maksimum *Landtag* dan *Bundestag* ialah 4 tahun manakala di Denmark tempoh maksimum *Folketing* ialah 4 tahun. Pembubaran Parlimen bagi semua negara tersebut adalah kuasa Perdana Menteri.
14. Di semua negara yang dilawati, *caretaker government* semasa tempoh pembubaran ialah kerajaan yang memerintah pada ketika pembubaran tersebut.
15. Pihak yang mengendalikan pilihan raya di UK ialah *Electoral Commission* dan *Boundary Commission*. *Electoral Commission* bertanggungjawab bagi perkara dasar dan perundangan, manakala *Boundary Commission* pula bertanggungjawab bagi perkara persempadanan bahagian pilihan raya. Di Jerman, *Federal Returning Officer* ialah orang yang bertanggungjawab bagi mengendalikan pilihan raya yang diletakkan di bawah *Department of Statistics* yang merupakan sebuah agensi kerajaan. Manakala *Constitution Commission* pula bertanggungjawab mengendalikan urusan persempadanan (*constituency delimitation*). Di Denmark, badan kerajaan yang mengendalikan pilihan raya ialah *Ministry of Economics and Interior Affairs*.
16. Di UK dan Jerman, pengundi sama ada di dalam atau di luar negara boleh memilih untuk mengundi secara proksi, pos atau undi biasa. Di Denmark, pengundian dijalankan secara undi biasa atau undi awal di pusat mengundi dan di premis-premis tertentu seperti di hospital bagi pesakit yang sedang mendapat rawatan. Jawatankuasa juga dimaklumkan bahawa di semua negara yang dilawati terdapat peratusan yang tinggi bagi undian pos dan ini menunjukkan tahap keyakinan yang tinggi terhadap kaedah pengundian secara pos.
17. Di Jerman dan Denmark, parti-parti politik mendapat pembiayaan daripada kerajaan mengikut keputusan undian dalam pilihan raya bagi memperkasakan demokrasi.
18. Semua negara yang dilawati tidak mengkhususkan kaedah verifikasi seperti dakwat kekal semasa urusan pengundian memadai membawa kad pengundi dan

juga identiti pengundi. Ini menunjukkan tahap keyakinan yang tinggi oleh pengundi di negara-negara tersebut terhadap sistem pilihan raya yang diguna pakai.

19. Pemerhatian yang dibuat sepanjang Lawatan Kerja itu seperti yang disebut dalam perenggan di atas juga telah diambil maklum dan dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kecil.

BAHAGIAN V

RUMUSAN JAWATANKUASA KECIL UNTUK DIPERTIMBANGKAN SEBAGAI SYOR JAWATANKUASA

Berdasarkan isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (DR. 3/2011), Mesyuarat Jawatankuasa, sesi pendengaran awam dan pemerhatian dalam Lawatan Kerja Jawatankuasa Kecil, rumusan setiap Jawatankuasa Kecil adalah seperti yang berikut:

(A) JAWATANKUASA KECIL (JK) MENELITI UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN BERKAITAN DENGAN PILIHAN RAYA MALAYSIA

1. PENGGUNAAN DAKWAT KEKAL

- 1.1 JK ini mengambil maklum akan cadangan penggunaan dakwat kekal sebagai cara mengundi yang disyorkan dalam Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (DR. 3/2011) pada Pilihan Raya Umum Ke-13.
- 1.2 JK ini mengambil maklum bahawa tindakan telah diambil untuk meminda Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 untuk memasukkan penggunaan dakwat kekal telah dibuat dan diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara.
- 1.3 JK ini mengambil maklum bahawa pindaan tersebut melalui Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2012 [P.U (A) 43/2012] telah diwartakan pada 13 Februari 2012 dan telah berkuat kuasa pada 15 Februari 2012.
- 1.4 JK ini juga mengambil maklum bahawa [P.U (A) 43/2012] akan dibentangkan di Parlimen menurut kehendak seksyen 17 Akta Pilihan Raya 1958.

2. MEMUDAHKAN GOLONGAN PENGUNDI ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) UNTUK MENDAPAT BANTUAN SEMASA MENGUNDI

- 2.1 JK ini mengambil maklum akan cadangan membenarkan mana-mana orang yang dipercayai oleh OKU untuk membantunya dalam proses mengundi yang disyorkan dalam Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (DR. 3/2011) pada Pilihan Raya Umum Ke-13.

- 2.2 JK ini mengambil maklum bahawa tindakan telah diambil untuk meminda Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 untuk memasukkan peruntukan mengenai perkara ini telah dibuat dan diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara.
- 2.3 JK ini mengambil maklum bahawa pindaan tersebut melalui Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) 2012 [P.U (A) 43/2012] telah diwartakan pada 13 Februari 2012 dan telah berkuat kuasa pada 15 Februari 2012.
- 2.4 JK ini juga mengambil maklum bahawa [P.U (A) 43/2012] akan dibentangkan di Parlimen menurut kehendak seksyen 17 Akta Pilihan Raya 1958.

3. PENGUNDIAN AWAL

- 3.1 JK ini mengambil maklum cadangan Jawatankuasa untuk membenarkan anggota tentera dan pasangan, anggota polis dan pasangan anggota Pasukan Gerakan Am mengundi awal.
- 3.2 JK ini mengambil maklum bahawa cadangan ini memerlukan pindaan dibuat kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 dan pindaan berbangkit kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.
- 3.3 JK ini mengambil maklum bahawa draf Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) (No. 2) 2012 dan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) (Pindaan) 2012 telah digubal dan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk semakan dan kelulusan.

4. MEMANSUHKAN BANTAHAN PADA HARI PENAMAAN CALON

- 4.1 JK ini mengambil maklum cadangan Jawatankuasa untuk memansuhkan apa-apa bantahan pada hari penamaan calon bagi melancarkan proses penamaan.
- 4.2 JK ini mengambil maklum bahawa cadangan ini memerlukan pindaan dibuat kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981.
- 4.3 JK ini mengambil maklum bahawa draf Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) (Pindaan) (No. 2) 2012 telah digubal

dan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk semakan dan kelulusan.

5. MEMANJANGKAN TEMPOH PAMERAN RANG DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN

- 5.1 JK ini mengambil maklum akan cadangan memanjangkan tempoh pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan daripada 7 hari kepada 14 hari seperti yang disyorkan dalam Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (DR. 3/2011).
- 5.2 JK ini mengambil maklum bahawa cadangan ini memerlukan pindaan dibuat kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) (Pindaan) 2002.
- 5.3 JK ini mengambil maklum bahawa draf Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) (Pindaan) 2012 telah digubal dan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk semakan dan kelulusan.

6. MEMBERI KEMUDAHAN MENGUNDI SECARA POS KEPADA PETUGAS MEDIA

- 6.1 JK ini mengambil maklum cadangan untuk SPR mengkaji sama ada membenarkan petugas media untuk mengundi awal atau pun mengundi secara pos.
- 6.2 JK ini mengambil maklum akan cadangan SPR supaya petugas media diberi kemudahan mengundi secara pos yang akan diwartakan di bawah Peraturan 3(1)(f) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.
- 6.3 JK ini mencadangkan agar Jawatankuasa mengesyorkan petugas media diberi kemudahan mengundi secara pos.

7. MEMBERI KEMUDAHAN KEPADA RAKYAT MALAYSIA DI LUAR NEGARA SAMA ADA MENGUNDI DI PERWAKILAN MALAYSIA ATAU SECARA POS

- 7.1 JK ini mengambil maklum cadangan untuk membenarkan rakyat Malaysia yang berada di luar negara sama ada mengundi awal di Perwakilan Malaysia atau mengundi secara pos.

- 7.2 JK ini mengambil maklum bahawa untuk membenarkan rakyat Malaysia yang berada di luar negara mengundi di Perwakilan Malaysia adalah sukar bagi SPR untuk melaksanakannya berdasarkan sistem pilihan raya sedia ada, isu logistik dan turut disokong dengan maklum balas daripada Kementerian Luar Negeri.
- 7.3 JK ini mengambil maklum cadangan SPR untuk mengkaji kemungkinan untuk membenarkan warganegara Malaysia yang berada di luar negara untuk mengundi secara pos tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Bagi maksud penerapan syarat itu, Jawatankuasa mengambil maklum bahawa SPR perlu berbincang dengan pihak berkuasa yang lain bagi memastikan pelaksanaannya boleh dikuatkuasakan sebelum suatu kerangka undang-undang boleh digubal.
- 7.4 JK ini mengambil maklum syarat-syarat yang dicadangkan oleh SPR seperti yang berikut:
- (i) telah mendaftar sebagai pemilih; dan
 - (ii) hendaklah balik ke Malaysia sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun terdahulu sehingga pada tarikh memohon untuk mengundi sebagai pengundi pos.
- 7.5 JK ini mengambil maklum bagi membolehkan syarat-syarat tersebut dikuatkuasakan, SPR perlu berbincang dengan pihak-pihak berkuasa terlibat bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan.
- 7.6 JK ini mengambil maklum cadangan ini juga akan melibatkan pindaan pada Akta Pilihan Raya 1958 dan peraturan-peraturan pilihan raya yang berkenaan.
- 7.7 JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan SPR mengkaji suatu kaedah lain yang melibatkan penghantaran kertas undi melalui pos terus kepada pengundi di luar negara dan penghantaran balik kertas undi itu dibuat melalui pejabat Perwakilan Malaysia untuk dihantar terus ke Ibu Pejabat SPR bagi proses pengiraan undi dan proses seterusnya.

8. MEMBENARKAN PRAPENDAFTARAN SESEORANG WARGANEGARA UNTUK DIDAFTARKAN SEBAGAI PEMILIH APABILA MENCAPAI UMUR 20 TAHUN

- 8.1 JK ini mengambil maklum bahawa Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan membenarkan seseorang warganegara yang layak

memohon untuk didaftarkan sebagai pemilih hanya apabila seseorang itu mencapai umur 21 tahun.

- 8.2 JK ini mengambil maklum cadangan untuk membenarkan prapendaftaran seseorang warganegara apabila mencapai umur 20 tahun untuk didaftarkan sebagai pemilih dan hanya dibenarkan mengundi apabila seseorang warganegara itu mencapai umur 21 tahun.
- 8.3 JK ini mengambil maklum bahawa bagi membolehkan cadangan ini dilaksanakan pindaan hendaklah dibuat kepada Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan.
- 8.4 JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan SPR mengkaji cadangan ini untuk dilaksanakan dalam jangka masa panjang.

(B) JAWATANKUASA KECIL (JK) MENGAJI PROSES PILIHAN RAYA

1. AKSES MEDIA YANG BEBAS DAN SAKSAMA

- 1.1 JK ini mengambil maklum akan cadangan supaya akses media yang bebas dan saksama diberikan kepada semua parti yang bertanding dalam sesuatu pilihan raya.
- 1.2 JK ini mengambil maklum akan rundingan berterusan SPR dengan pihak-pihak yang diberi kuasa berhubung dengan akses media dan kesediaan SPR membantu pihak-pihak itu dalam melaksanakan cadangan ini.
- 1.3 JK ini mengambil maklum kesediaan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan untuk memberikan akses yang adil kepada semua parti dan calon yang diselaraskan oleh SPR.
- 1.4 JK ini mencadangkan supaya Jawatankuasa mengesyorkan pihak yang mempunyai kuasa di bawah undang-undang bagi memastikan akses media yang bebas dan saksama kepada semua parti yang bertanding dalam sesuatu pilihan raya.

2. TEMPOH PEMBUBARAN PARLIMEN

- 2.1 JK ini mengambil maklum bahawa terdapat cadangan agar tarikh pembubaran Parlimen ditetapkan secara nyata dalam peruntukan

undang-undang bagi memudahkan persediaan oleh semua pihak yang terlibat dalam proses pilihan raya.

- 2.2 JK ini mengambil maklum bahawa kuasa untuk menentukan tarikh pembubaran Parlimen bukan merupakan kuasa SPR mengikut peruntukan undang-undang dan turut mengambil maklum bahawa kuasa SPR hanya dalam menentukan tarikh pilihan raya setelah Parlimen dibubarkan.
- 2.3 JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan cadangan ini dikaji dengan terperinci untuk dilaksanakan bagi jangka masa panjang.

3. MEMPERLUAS KATEGORI PENGUNDI TIDAK HADIR KEPADA SEMUA WARGANEGARA DI LUAR NEGARA

- 3.1 JK ini mengambil maklum akan cadangan memperluas kategori pengundi tidak hadir kepada semua warganegara di luar negara.
- 3.2 JK ini mengambil maklum berhubung usaha SPR untuk memberi kemudahan mengundi secara pos kepada warganegara yang berada di luar negara tertakluk kepada syarat-syarat yang boleh dikenakan oleh SPR.
- 3.3 JK ini mengambil maklum keperluan SPR untuk menyelaras bersama pihak berkuasa yang berkaitan berhubung cadangan ini.
- 3.4 JK ini mencadangkan kepada Jawatankuasa supaya mengesyorkan agar warganegara Malaysia di luar negara disediakan kemudahan mengundi mengikut praktikaliti.

4. PERUNTUKAN DANA KEPADA PARTI POLITIK

- 4.1 JK ini mengambil maklum cadangan Kerajaan mengadakan peruntukan dana kepada parti politik mengikut jumlah kerusi yang diperoleh dalam pilihan raya dalam usaha untuk menyuburkan sistem demokrasi di negara ini serta membendung gejala rasuah oleh ahli politik dalam pilihan raya.
- 4.2 JK ini mengambil maklum cadangan memperuntukkan dana bagi maksud berkempen kepada setiap parti politik semasa pilihan raya.

- 4.3 JK ini juga mengambil maklum bahawa mekanisme pelaksanaannya perlu dikaji secara mendalam memandangkan ia melibatkan implikasi kewangan Kerajaan serta pindaan kepada aspek perundangan. Perkara ini wajar diberi perhatian untuk dilaksanakan dalam jangka masa panjang.
- 4.4 JK ini mengambil maklum cadangan untuk setiap parti politik mengisytiharkan apa-apa sumbangan yang diterima dari mana-mana sumber.
- 4.5 JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan Kerajaan mengadakan peruntukan dana kepada parti politik mengikut jumlah kerusi yang diperolehi dalam pilihan raya.

5. MEMANJANGKAN TEMPOH BERKEMPEN

- 5.1 JK ini mengambil maklum subperaturan 3(1) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 memperuntukkan tempoh minimum 7 hari bagi maksud berkempen.
- 5.2 JK ini mengambil maklum cadangan supaya SPR menetapkan suatu tempoh berkempen yang lebih panjang dalam sesuatu pilihan raya bagi memberi ruang berkempen yang lebih lama dan pada masa yang sama urusan mengembalikan undi pos dapat dibuat dengan wajar.
- 5.3 JK ini juga mengambil maklum pandangan berbeza bahawa tempoh berkempen yang terlalu panjang mendatangkan kesukaran kepada aktiviti berkempen di sesetengah bahagian pilihan raya di samping kos yang tinggi.
- 5.4 JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan SPR mengambil kira semua pandangan yang diberikan dalam menentukan suatu tempoh berkempen yang munasabah menurut peruntukan undang-undang.

6. PENGUNDIAN LUAR KAWASAN

- 6.1 JK ini mengambil maklum cadangan SPR menyediakan kemudahan kepada pengundi-pengundi yang berada di luar kawasan pendaftarannya terutama daripada Sabah dan Sarawak untuk mengundi di mana-mana tempat mengundi tanpa perlu pulang ke kawasan pendaftaran asalnya.

- 6.2 JK ini mengambil maklum kesukaran SPR untuk mengendalikan pengundi yang berada di luar kawasan pendaftarannya untuk mengundi di mana-mana tempat mengundi tanpa perlu pulang ke kawasan pendaftaran asalnya kerana ia melibatkan urusan logistik yang rumit, tenaga kerja yang terhad dan undang-undang sedia ada tidak membenarkan seseorang pemilih mengundi di tempat mengundi yang bukan namanya didaftarkan.
- 6.3 JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan SPR mengkaji kaedah pengundian terbaik seolah-olah tatacara yang terpakai bagi pengundian warganegara Malaysia di luar negara terpakai bagi pengundi yang berada di luar kawasan tertakluk kepada apa-apa pindaan undang-undang yang berkenaan.

(C) JAWATANKUASA KECIL (JK) MENAMBAH BAIK DAFTAR PEMILIH

1. PELAKSANAAN PEMBERSIHAN DAFTAR PEMILIH

- 1.1 JK ini mengambil maklum syor dalam Laporan Jawatankuasa (DR. 3/2011) untuk MIMOS menjalankan verifikasi terhadap daftar pemilih dengan kerjasama SPR dan JPN.
- 1.2 JK ini mengambil maklum hasil verifikasi oleh MIMOS itu menunjukkan usaha pembersihan daftar pemilih secara berterusan dijalankan oleh SPR dengan kerjasama JPN.
- 1.3 JK ini mengambil maklum hasil verifikasi oleh MIMOS mendapati tidak wujud pendaftaran berganda (*duplicate registration*) bagi setiap nombor kad pengenalan 12 angka (KP12) yang dikeluarkan oleh JPN.
- 1.4 JK ini mengambil maklum isu yang dibangkitkan mengenai dakwaan seorang pemilih mempunyai 2 rekod bagi 2 kawasan pendaftaran yang berbeza melalui semakan yang dibuat melalui laman web SPR yang menggambarkan seolah-olah pemilih itu boleh mendaftar 2 kali di kawasan pendaftaran berbeza seperti **LAMPIRAN 2**.
- 1.5 JK ini mengambil maklum hasil semakan SPR berhubung dengan isu yang dibangkitkan itu, dakwaan itu jelas tidak benar kerana bagi kes yang dibangkitkan itu memang terdapat permohonan pemilih untuk **bertukar status daripada pengundi biasa kepada pengundi tidak hadir**. SPR memang menyimpan rekod pemilih sebagai pengundi biasa yang telah disahkan dan rekod pemilih yang sama bagi maksud

permohonan tukar status itu. Ini seolah-olah menunjukkan seseorang pemilih itu mempunyai 2 rekod di 2 kawasan yang berbeza.

- 1.6 JK ini mengambil maklum penyimpanan 2 rekod ini adalah perlu kerana maklumat asal seseorang pemilih itu perlu dikekalkan sehinggalah permohonan untuk menukar status itu diluluskan oleh SPR. Sekiranya berlaku pilihan raya sebelum permohonan menukar status itu diluluskan, maka hak seseorang itu untuk mengundi masih kekal di kawasan pendaftaran asal. Hanya setelah permohonan itu diluluskan, maka barulah namanya di kawasan pendaftaran asal dipotong kerana undang-undang hanya membenarkan seseorang itu didaftarkan di satu kawasan pendaftaran sahaja.
- 1.7 JK ini mengambil maklum terdapat di kalangan anggota polis dan tentera yang masih belum memohon MyKad atau MyTentera. Sehingga 20 Mac 2012, terdapat sebanyak 483 rekod anggota polis dan 653 rekod anggota tentera dalam daftar pemilih SPR yang belum mempunyai nombor KP12.
- 1.8 JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia memantau dan mengambil tindakan berkenaan perkara yang disebut di perenggan 1.7 dalam tempoh 60 hari dari tarikh laporan ini dibentangkan di Dewan Rakyat.
- 1.9 JK ini juga mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan SPR memberi keutamaan kepada usaha pembersihan daftar pemilih dengan kerjasama JPN bagi memastikan daftar pemilih yang akan digunakan bagi Pilihan Raya Umum Ke-13 yang akan datang adalah terkini.
- 1.10 JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan MIMOS membantu menyemak daftar pemilih secara berterusan bagi mempertingkatkan usaha pembersihan daftar pemilih.

2. PEMBERSIHAN DAFTAR PEMILIH BAGI ALAMAT-ALAMAT YANG MEMPUNYAI TERLALU RAMAI PEMILIH BERDAFTAR

- 2.1 JK ini mengambil maklum dapatan oleh MIMOS dalam laporan verifikasi terhadap daftar pemilih SPR, terdapat 324 alamat yang mempunyai lebih 100 orang pemilih dan 938 alamat yang mempunyai antara 51 hingga 100 orang pemilih. Dalam penelitian Jawatankuasa, antara faktor-faktor yang menyumbang kepada keadaan ini adalah seperti berikut:

- (i) alamat pendaftaran pemilih yang tidak lengkap;
- (ii) alamat pendaftaran pemilih yang terlalu umum yang menggunakan alamat seperti 'kampung', 'rumah pangsa', 'rumah panjang' dan 'jalan' tanpa butiran nombor rumah yang kebanyakan berlaku bagi kawasan luar bandar;
- (iii) alamat pendaftaran pemilih yang dikongsi seperti alamat tempat asal/kelahiran yang tidak dipinda setelah berpindah atau alamat rumah yang disewa; dan
- (iv) alamat pendaftaran "pinjaman" iaitu alamat yang digunakan oleh seseorang pemilih untuk membolehkan didaftarkan di sesuatu kawasan pendaftaran yang dikehendaki.

2.2 JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan supaya SPR mempamerkan senarai pemilih yang alamatnya diragui untuk memberitahu kepada pemilih yang terlibat supaya mereka boleh tampil kepada SPR serta membolehkan SPR mengemas kini alamat pemilih dan mana-mana butiran yang berkenaan. Walau bagaimanapun pengemaskinian yang dicadangkan tidak akan menyebabkan pemilih berpindah ke bahagian pilihan raya yang lain kecuali jika pemilih membuat permohonan tukar alamat pusat mengundi berdasarkan alamat mastautinnya yang terkini.

3. PENGGUNAAN ALAMAT SELAIN ALAMAT MASTAUTIN PADA KAD PENGENALAN SEBAGAI ALAMAT PENDAFTARAN UNTUK MENENTUKAN BAHAGIAN PILIHAN RAYA

- 3.1 JK ini mengambil maklum senario semasa yang mana bilangan pengundi di kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak semakin berkurangan kerana penghijrahan golongan belia ke kawasan bandar untuk mendapatkan pekerjaan.
- 3.2 JK ini mengambil maklum cadangan untuk menggunakan alamat selain alamat di kad pengenalan sebagai alamat pendaftaran untuk menentukan kawasan pendaftaran.
- 3.3 JK ini mengambil maklum jika cadangan ini dilaksanakan, implikasinya adalah seperti yang berikut:
 - (i) Jika alamat selain alamat di kad pengenalan digunakan, kemungkinan alamat itu tidak dapat disahkan melalui apa-apa dokumentasi yang sah;
 - (ii) Ada kemungkinan orang mendaftar menggunakan alamat yang dia tidak bermastautin; dan

(iii) Ada kemungkinan terdapatnya peningkatan bantahan terhadap Rang Daftar Pemilih Tambahan atas alasan orang itu tidak bermastautin di alamat yang digunakan jika alamat selain alamat di kad pengenalan digunakan.

- 3.4 JK ini mengambil maklum bahawa warganegara yang layak mendaftar mempunyai hak untuk memilih mendaftar di mana kawasan pendaftaran berpandukan kepada alamat terkini seperti di kad pengenalan. Adalah menjadi tanggungjawab mana-mana orang untuk menukar alamat di kad pengenalannya di JPN jika dia telah berpindah ke alamat yang lain. SPR tidak boleh mengambil apa-apa tindakan untuk menukar kawasan pendaftaran mana-mana orang jika orang itu enggan menukar alamat di kad pengenalannya.
- 3.5 JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan supaya suatu Jawatankuasa tetap yang dianggotai oleh wakil parti politik dan badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) ditubuhkan sebagai pihak ketiga yang berfungsi membantu menyemak daftar pemilih yang telah diperakui dengan bantuan pakar teknologi seperti MIMOS secara berterusan dan terbuka seperti yang telah dilaksanakan dalam Jawatankuasa Kecil Menambah Baik Daftar Pemilih.
- 3.6 JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan supaya parti-parti politik memainkan peranan dalam menasihatkan pemilih menukarkan alamat pendaftaran yang wajar di JPN sebelum mendaftar sebagai pemilih baru atau mendaftar tukar alamat pusat mengundi dengan SPR.

4. MENURUNKAN UMUR KELAYAKAN MENDAFTAR SEBAGAI PEMILIH

- 4.1 JK ini mengambil maklum bahawa peruntukan undang-undang sedia ada hanya membenarkan seseorang warganegara yang layak memohon untuk didaftarkan sebagai pemilih apabila seseorang itu berumur 21 tahun dan ke atas.
- 4.2 JK ini mengambil maklum cadangan untuk membenarkan seseorang warganegara yang berumur 20 tahun untuk memohon didaftarkan sebagai pemilih dan hanya dibenarkan mengundi pada umur 21 tahun dan ke atas.
- 4.3 JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan supaya SPR melaksanakan penerimaan pra-pendaftaran daripada warganegara Malaysia yang mencapai umur 20 tahun dan pengesahan pendaftaran sebagai pemilih hanya dibuat apabila pemilih tersebut

mencapai umur 21 tahun mengikut peruntukan di bawah Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan.

5. KAJIAN KE ARAH PENDAFTARAN SECARA AUTOMATIK

- 5.1 JK ini mengambil maklum cadangan untuk melaksanakan pendaftaran pemilih secara automatik bagi warganegara yang mencapai umur 21 tahun.
- 5.2 JK ini mengambil maklum cadangan untuk melaksanakan pendaftaran automatik ini memerlukan pindaan kepada Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan dan peraturan-peraturan yang berkaitan.
- 5.3 JK ini mengambil maklum bahawa cadangan ini mempunyai asas yang baik, namun ia hanya boleh dilaksanakan dalam jangka masa panjang memandangkan usaha pembersihan daftar pemilih secara keseluruhan perlu diutamakan. Siasatan lanjut mengenai daftar pemilih yang diragui seperti yang dibangkitkan di negeri Sabah perlu dilaksanakan supaya mencapai matlamat daftar pemilih yang diyakini oleh semua pihak sebelum terlaksananya cadangan pendaftaran secara automatik.
- 5.4 JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan supaya SPR membuat kajian dan mengambil tindakan dalam tempoh 12 bulan bagi membolehkan cadangan ini dilaksanakan pada masa hadapan.

6. BANTAHAN TERHADAP DAFTAR PEMILIH YANG TELAH DIPERAKUI MELALUI ADUAN ATAU MAKLUM BALAS DARIPADA PARTI POLITIK, PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN DAN SEBAGAINYA

- 6.1 JK ini mengambil maklum cadangan membolehkan bantahan terhadap daftar pemilih yang telah diperakui dibuat melalui aduan atau maklum balas daripada parti politik, pertubuhan bukan kerajaan dan sebagainya.
- 6.2 JK ini mengambil maklum peraturan sedia ada hanya membenarkan bantahan dibuat terhadap nama pemilih yang dipamerkan semasa Pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan.
- 6.3 JK ini mengambil maklum daftar pemilih yang telah diperakui boleh dibuat pemotongan atas alasan kematian atau lucut warganegara setelah Ketua Pendaftar berpuas hati mengenai alasan itu yang disahkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

- 6.4 JK ini mengambil maklum SPR tidak mempunyai kuasa untuk memotong nama pemilih yang telah disahkan daripada daftar pemilih atau memindahkan pemilih dari suatu bahagian pilihan raya ke suatu bahagian pilihan raya yang lain hanya berdasarkan kepada aduan mana-mana pihak.
- 6.5 JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan supaya peruntukan undang-undang dikaji untuk memberikan SPR kuasa untuk memotong nama pemilih yang telah disahkan daripada daftar pemilih atau memindahkan pemilih dari suatu bahagian pilihan raya ke suatu bahagian pilihan raya yang lain berdasarkan kepada aduan yang dikemukakan oleh pihak awam dengan bukti yang sah.

7. PENGUATKUASAAN PERATURAN SEDIA ADA BERHUBUNG KESALAHAN MEMBERIKAN MAKLUMAT PALSU DALAM URUSAN PENDAFTARAN

- 7.1 JK ini mengambil maklum cadangan menguatkuasakan peraturan sedia ada berhubung kesalahan memberikan maklumat palsu dalam urusan pendaftaran.
- 7.2 JK ini mengambil maklum bahawa terdapat kemungkinan maklumat palsu diberikan dalam urusan-urusan seperti yang berikut:
- (i) urusan pertukaran alamat mastautin di JPN; dan
 - (ii) urusan pertukaran alamat kawasan pendaftaran di SPR,
- yang merupakan kesalahan di bawah Akta 5 dan peraturan sedia ada.
- 7.3 JK ini mengambil maklum adanya peruntukan dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5] dan Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 yang mengadakan peruntukan kesalahan bagi mana-mana orang yang memberi maklumat palsu dalam urusan pendaftaran pemilih dan pertukaran alamat dalam kad pengenalan.
- 7.4 JK ini mengambil maklum SPR dalam menguatkuasakan Akta 5 adalah bergantung kepada kerjasama pihak berkuasa lain seperti polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM).
- 7.5 JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan supaya Akta 5 dan peraturan sedia ada dikuatkuasakan dengan mendapat kerjasama daripada polis dan SPRM bagi memastikan apa-apa

kesalahan di bawah Akta 5 dan peraturan sedia ada dapat dikuat kuasa dengan tegas.

- 7.6 JK ini juga mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan perjawatan tambahan diwujudkan bagi menubuhkan suatu pasukan penguat kuasa khas SPR dalam menguatkuasakan undang-undang di bawah bidang kuasa SPR tanpa lagi perlu bergantung kepada pihak berkuasa lain bagi jangka masa panjang.

(D) JAWATANKUASA KECIL (JK) MEMPERKUKUHKAN SURUHANJAYA PILIHAN RAYA

1. MEMPERTINGKATKAN KEDUDUKAN SPR

- 1.1 JK ini mengambil maklum penubuhan SPR di bawah Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan yang dianggotai oleh tujuh (7) orang yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja dengan mengambil kira peri mustahaknya mendapat kepercayaan awam.
- 1.2 JK ini mengambil maklum pandangan dan maklum balas yang mempersoalkan kebebasan SPR.
- 1.3 JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan bagi menolak dakwaan tentang ketidakbebasan SPR, pelantikan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Anggota-anggota SPR dijalankan sebagaimana pelantikan yang dibuat bagi Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi.
- 1.4 JK ini turut mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan SPR diberi kuasa mengadakan bajetnya sendiri dan diletakkan dan bertanggungjawab terus kepada Parlimen bagi memastikan isu kebebasan SPR tidak lagi dipersoalkan.
- 1.5 JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan SPR mengkaji cadangan ini untuk dilaksanakan dalam jangka masa panjang.

2. PENSTRUKTURAN DAN PENGUKUHAN SPR

- 2.1 JK ini mengambil maklum bahawa SPR dalam menjalankan fungsinya di bawah Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan memerlukan bantuan dari pihak-pihak lain. Kuasa untuk mendapatkan bantuan ini diperuntukkan di bawah Fasal (2) Perkara 115 Perlembagaan

Persekutuan dan pelantikan pegawai-pegawai yang dibuat di bawah Akta Pilihan Raya 1958.

- 2.2 JK ini mengambil maklum sumber manusia yang terhad di SPR dan kebergantungan SPR dengan pihak lain dalam menjalankan fungsinya itu.
- 2.3 JK ini mengambil maklum dari pemerhatian Lawatan Kerja ke UK, Jerman dan Denmark, tiga fungsi utama SPR itu dijalankan oleh badan yang berasingan.
- 2.4 JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan berdasarkan kepada beban dan bidang tugas SPR yang luas, organisasi SPR perlu distruktur semula dengan diberi kuasa yang sewajarnya bagi memastikan penguatkuasaan undang-undang pilihan raya dijalankan oleh badan penguatkuasaan SPR sendiri dan mengurangkan kebergantungan kepada pihak-pihak yang lain, keperluan sumber manusia SPR ditambah dan perjawatan sedia ada dinaik taraf serta peruntukan kewangan yang mencukupi diperuntukkan sesuai dengan peranan, tanggungjawab, bebanan dan cabaran semasa.
- 2.5 Beban dan luasnya bidang tugas SPR jika dibandingkan dengan negara-negara yang dilawati itu, JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan sebanyak 642 pertambahan jawatan yang melibatkan kenaikan gred jawatan, penambahan bilangan perjawatan dan pewujudan perjawatan baru diluluskan oleh pihak JPA dan Kementerian Kewangan memberi peruntukan yang sewajarnya bagi menyokong cadangan pertambahan jawatan di SPR memandangkan banyak syor yang dicadangkan perlu dilaksanakan dalam tempoh terdekat.
- 2.6 JK ini turut mengambil maklum wujudnya Unit Bergerak SPR yang menjalankan tugas-tugas termasuklah urusan pendaftaran pemilih dan pendidikan pengundi di seluruh negara dengan sumber manusia dan kemudahan yang terhad.
- 2.7 JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan Kerajaan memberi peruntukan secukupnya bagi maksud memperkasa Unit Bergerak SPR.

3. MEMPERKASA AKADEMI PILIHAN RAYA

- 3.1 JK ini mengambil maklum wujudnya Akademi Pilihan Raya sejak tahun 2007 dengan sumber manusia, peruntukan kewangan dan

kemudahan yang terhad dalam menjalankan fungsinya termasuklah pendidikan pengundi, kesedaran mengundi dan latihan kepada petugas pilihan raya.

- 3.2 JK ini mengambil maklum keperluan memperkasa Akademi Pilihan Raya dengan menambah sumber manusia, peruntukan kewangan serta diwujudkan bangunan khusus untuk menempatkan Akademi Pilihan Raya yang dilengkapi dengan kemudahan pusat latihan sebagaimana pusat latihan jabatan dan agensi kerajaan yang lain.
- 3.3 JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan Kerajaan menambah sumber manusia, peruntukan kewangan dan kemudahan Akademi Pilihan Raya bagi memastikan matlamat penubuhan Akademi Pilihan Raya, khususnya dalam memberi pendidikan kepada semua pihak yang terlibat dalam proses pilihan raya termasuklah warganegara Malaysia tentang hak mengundi dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

4. KERAJAAN SEMENTARA (*CARETAKER GOVERNMENT*)

- 4.1 JK ini mengambil maklum cadangan diwujudkan kerajaan sementara selain kerajaan yang memerintah sebaik selepas Parlimen dibubarkan bertujuan bagi memastikan negara ditadbir sementara kerajaan yang baru dibentuk.
- 4.2 JK ini mengambil maklum bahawa sejak Pilihan Raya Umum Pertama sehingga ke Pilihan Raya Umum Ke-12, pentadbiran negara sepanjang tempoh pembubaran Parlimen ditadbir oleh kerajaan yang memerintah tanpa timbul apa-apa masalah.
- 4.3 JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan SPR dapat menyediakan suatu kod etika tatalaku (*code of conduct*) terpakai bagi mana-mana pihak yang kena menjalankan fungsi kerajaan sementara sehinggalah suatu kerajaan yang baru dibentuk.
- 4.4 JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan suatu kajian terperinci dibuat sebelum cadangan ini dapat dilaksanakan dalam jangka masa panjang.

5. PENGASINGAN FUNGSI UTAMA SPR

- 5.1 JK ini mengambil maklum bahawa tiga fungsi utama SPR di bawah Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan adalah menjalankan pilihan

raya, menguruskan pendaftaran pemilih dan mengkaji semula bahagian pilihan raya.

- 5.2 JK ini mengambil maklum dari pemerhatian Lawatan Kerja ke UK, Jerman dan Denmark, ketiga-tiga fungsi utama SPR itu dijalankan oleh badan yang berasingan.
- 5.3 JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan fungsi utama sedia ada SPR masih dijalankan oleh SPR dengan meluluskan cadangan penstrukturan semula organisasi SPR namun bagi maksud jangka panjang, pengasingan fungsi utama SPR itu dibahagikan kepada badan yang berasingan dikaji.

6. AKSES MEDIA

- 6.1 JK ini mengambil maklum bahawa SPR tidak mempunyai kuasa di bawah undang-undang sedia ada untuk memberi akses kepada mana-mana parti yang bertanding dalam sesuatu pilihan raya.
- 6.2 JK ini mengambil maklum SPR perlu diberi kuasa di bawah undang-undang untuk mengawal selia akses media supaya hak sama rata waktu siaran (*airtime*) diberikan kepada setiap parti politik yang bertanding bagi mengelakkan dimonopoli oleh sesetengah pihak.
- 6.3 JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan supaya SPR diberi kuasa di bawah undang-undang untuk mengawal selia akses media dan bertanggungjawab untuk menyediakan kod etika tatalaku (*code of conduct*) bagi dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat.

(E) JAWATANKUASA KECIL (JK) MENGAJAI SISTEM ALTERNATIF DALAM MENGADAKAN PILIHAN RAYA

1. PENGAGIHAN KERUSI DEWAN RAKYAT BAGI NEGERI SABAH DAN SARAWAK

- 1.1 JK ini mengambil maklum terdapat cadangan supaya jumlah keseluruhan kerusi di Dewan Rakyat diseimbangkan di antara kerusi bagi Semenanjung dengan kerusi negeri Sabah dan Sarawak.
- 1.2 JK ini mengambil maklum bahawa cadangan ini adalah bagi memastikan kuasa seimbang boleh digunakan oleh mana-mana wakil Sabah dan Sarawak bagi memastikan suara dan kepentingan yang

melibatkan negeri Sabah dan Sarawak dalam semua hal yang berkaitan undang-undang dapat dipertahankan.

- 1.3 JK ini mencadangkan supaya Jawatankuasa mengesyorkan suatu kajian terperinci dibuat sebelum cadangan ini dapat dilaksanakan dalam jangka masa panjang.

2. PERSEMPADANAN BAHAGIAN PILIHAN RAYA YANG SEIMBANG

- 2.1 JK ini mengambil maklum cadangan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya mengambil kira keseimbangan jumlah pemilih termasuk wajaran kawasan luar bandar (*rural weightage*) dan juga memenuhi prinsip 'Satu Orang, Satu Undi'.
- 2.2 JK ini mengambil maklum bahawa undang-undang sedia ada khususnya prinsip-prinsip persempadanan di bawah Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan masih relevan dan berkesan untuk diguna pakai.
- 2.3 JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan SPR mengambil kira faktor-faktor yang disebut di perenggan 2.1 dan 2.2 dalam menjalankan kajian semula persempadanan bahagian pilihan raya.

3. SISTEM PILIHAN RAYA BARU

- 3.1 JK ini mengambil maklum bahawa sistem pilihan raya yang diamalkan di Malaysia sejak merdeka sehingga sekarang ialah Sistem Majoriti Mudah (*First-Past-The-Post*).
- 3.2 JK ini mengambil maklum cadangan untuk menambah baik Sistem Majoriti Mudah (*First-Past-The-Post*) sedia ada ataupun mengkaji apa-apa sistem pilihan raya lain seperti sistem campuran (*First-Past-The-Post* dan *Proportionate Representation*) atau Sistem Perwakilan Berkadaran (*Proportionate Representation*).
- 3.3 JK ini mengambil maklum bahawa cadangan ini merupakan perkara yang melibatkan dasar yang perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan.
- 3.4 JK ini mencadangkan Jawatankuasa mengesyorkan sistem pilihan raya sedia ada dikekalkan dan suatu kajian terperinci dibuat sebelum cadangan ini dapat dilaksanakan dalam jangka masa panjang.

4. PEMBIAYAAN PARTI-PARTI POLITIK

- 4.1 JK ini mengambil maklum cadangan agar Kerajaan mengadakan peruntukan dana kepada parti politik dalam usaha untuk menyuburkan sistem demokrasi di negara ini serta membendung gejala rasuah oleh ahli politik dalam pilihan raya.
- 4.2 JK ini mengambil maklum cadangan untuk setiap parti politik mengisytiharkan apa-apa sumbangan yang diterima dari mana-mana sumber.
- 4.3 JK ini juga mengambil maklum bahawa mekanisme pelaksanaannya perlu dikaji secara mendalam memandangkan ia melibatkan implikasi kewangan Kerajaan serta pindaan kepada aspek perundangan. Perkara ini wajar diberi perhatian untuk dilaksanakan dalam jangka masa panjang.
- 4.4 JK ini mencadangkan kepada Jawatankuasa supaya mengesyorkan Kerajaan mempertimbangkan cadangan ini.

BAHAGIAN VI

LAPORAN MESYUARAT PADA 28 MAC 2012 BAGI MEMUKTAMADKAN SYOR-SYOR JAWATANKUASA

1. Jawatankuasa telah bermesyuarat pada 28 Mac 2012 bagi memuktamadkan syor-syor Jawatankuasa.
2. Bagi menetapkan penyampaian format syor-syor, Pengerusi telah mengusulkan untuk menerima format yang telah dicadangkan seperti di BAHAGIAN VI. Belah bahagian telah dijalankan:

Ahli bagi Kawasan	Undian
Hulu Selangor	Setuju
Kapit	Setuju
Alor Gajah	Setuju
Kangar	Setuju
Kota Marudu	Setuju
Gombak	Tidak setuju
Kuala Krai	Tidak setuju
Rasah	Tidak setuju
Wangsa Maju	Setuju

Keputusan belah bahagi ialah 6 bersetuju dan 3 tidak bersetuju. Oleh yang demikian, Usul disetujui.

YB Gombak, YB Rasah dan YB Kuala Krai menolak format penyampaian laporan kerana cadangan untuk memasukkan Laporan Minoriti bagi mengemukakan isu pokok iaitu daftar pemilih yang gagal dibersihkan oleh SPR dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya telah ditolak oleh majoriti Jawatankuasa.

3. Berikut adalah syor-syor yang dipersetujui oleh semua Ahli Jawatankuasa:
 - (a) Memberi kemudahan kepada rakyat Malaysia di luar negara sama ada mengundi di Perwakilan Malaysia atau secara pos;
 - (b) Pengundi luar kawasan;
 - (c) Tarikh pembubaran Parlimen;
 - (d) Kerajaan sementara (*caretaker government*);
 - (e) Penguatkuasan peraturan sedia ada berhubung kesalahan memberikan maklumat palsu dalam urusan pendaftaran;

- (f) Akses media yang bebas dan saksama;
 - (g) Pembersihan daftar pemilih yang berterusan;
 - (h) Penelitian daftar pemilih bagi alamat-alamat yang mempunyai ramai pemilih berdaftar;
 - (i) Bantahan terhadap daftar pemilih yang telah diperakui melalui aduan atau maklum balas daripada parti politik, pertubuhan bukan kerajaan dan sebagainya;
 - (j) Penggunaan alamat selain alamat mastautin pada kad pengenalan sebagai alamat pendaftaran untuk menentukan bahagian pilihan raya;
 - (k) Memperkasakan kedudukan SPR;
 - (l) Penstrukturan dan pengukuhan SPR;
 - (m) Memperluaskan Akademi Pilihan Raya;
 - (n) Pengasingan fungsi utama SPR;
 - (o) Pengagihan kerusi Dewan Rakyat bagi negeri Sabah dan Sarawak;
 - (p) Persempadanan bahagian pilihan raya yang seimbang;
 - (q) Peruntukan dana kepada parti politik; dan
 - (r) Sistem pilihan raya baru.
4. Berikut adalah syor-syor yang tidak mendapat persetujuan sebahagian Ahli Jawatankuasa:
- (a) Memberi kemudahan mengundi secara pos kepada petugas SPR dan media;
 - (b) Membenarkan prapendaftaran seseorang warganegara untuk didaftarkan sebagai pemilih apabila mencapai umur 20 tahun;
 - (c) Memanjangkan tempoh berkempen; dan
 - (d) Kajian ke arah pendaftaran secara automatik;
5. Bagi syor-syor yang disebut di perenggan 4, undian secara belah bahagi telah dijalankan mengikut Peraturan 84, Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat:

(a) Memberi kemudahan mengundi secara pos kepada petugas SPR dan media

Ahli bagi Kawasan	Undian
Hulu Selangor	Setuju
Kapit	Setuju
Alor Gajah	Setuju
Kangar	Setuju
Kota Marudu	Setuju
Gombak	Tidak setuju
Kuala Krai	Tidak setuju
Rasah	Tidak setuju
Wangsa Maju	Tidak hadir

Keputusan belah bahagi ialah 5 bersetuju dan 3 tidak bersetuju. Oleh yang demikian, syor disetujui.

YB Gombak, YB Rasah dan YB Kuala Krai mencadangkan supaya petugas SPR dan media diberikan kemudahan mengundi awal.

(b) Membenarkan prapendaftaran seseorang warganegara untuk didaftarkan sebagai pemilih apabila mencapai umur 20 tahun

Ahli bagi Kawasan	Undian
Hulu Selangor	Setuju
Kapit	Setuju
Alor Gajah	Setuju
Kangar	Setuju
Kota Marudu	Setuju
Gombak	Tidak setuju
Kuala Krai	Tidak setuju
Rasah	Tidak setuju
Wangsa Maju	Tidak hadir

Keputusan belah bahagi ialah 5 bersetuju dan 3 tidak bersetuju. Oleh yang demikian, syor disetujui.

YB Gombak, YB Rasah dan YB Kuala Krai mencadangkan kelayakan seseorang warganegara untuk didaftarkan sebagai pemilih dipinda daripada 21 tahun kepada 18 tahun dan dibuat secara automatik apabila mencapai umur 18 tahun.

(c) Memanjangkan tempoh berkempen (minimum 10 hari)

Ahli bagi Kawasan	Undian
Hulu Selangor	Setuju
Kapit	Setuju
Alor Gajah	Setuju
Kangar	Setuju
Kota Marudu	Setuju
Gombak	Tidak setuju
Kuala Krai	Tidak setuju
Rasah	Tidak setuju
Wangsa Maju	Tidak hadir

Keputusan belah bahagi ialah 5 bersetuju dan 3 tidak bersetuju. Oleh yang demikian, syor disetujui.

YB Gombak, YB Rasah dan YB Kuala Krai mencadangkan tempoh berkempen harus dilanjutkan kepada minimum 21 hari bagi membolehkan warganegara Malaysia di luar negara melaksanakan tanggungjawab mereka.

(d) Kajian ke arah pendaftaran secara automatik

Ahli bagi Kawasan	Undian
Hulu Selangor	Setuju
Kapit	Setuju
Alor Gajah	Setuju
Kangar	Setuju
Kota Marudu	Setuju
Gombak	Tidak setuju
Kuala Krai	Tidak setuju
Rasah	Tidak setuju
Wangsa Maju	Setuju

Keputusan belah bahagi ialah 6 bersetuju dan 3 tidak bersetuju. Oleh yang demikian, syor disetujui.

YB Gombak, YB Rasah dan YB Kuala Krai mencadangkan pendaftaran secara automatik dilaksanakan serta merta.

BAHAGIAN VII

PANDANGAN DAN SYOR-SYOR JAWATANKUASA

Setelah mendengar cadangan dan maklum balas daripada individu / persatuan / pertubuhan berdaftar serta cadangan dan maklum balas daripada Ahli-ahli Jawatankuasa dan mengambil kira perbincangan dalam Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil dan pemerhatian daripada Lawatan Kerja, Jawatankuasa mengemukakan syor-syor penambahbaikan proses pilihan raya seperti yang berikut:

(I) PERUNDANGAN DAN PINDAAN PERATURAN

1. MEMBERI KEMUDAHAN KEPADA RAKYAT MALAYSIA DI LUAR NEGARA SAMA ADA MENGUNDI DI PERWAKILAN MALAYSIA ATAU SECARA POS

- 1.1. Jawatankuasa menyusul cadangan dalam Laporan Jawatankuasa (DR. 3/2011) untuk membenarkan rakyat Malaysia yang berada di luar negara sama ada mengundi awal di Perwakilan Malaysia atau mengundi secara pos.
- 1.2. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa untuk membenarkan rakyat Malaysia yang berada di luar negara mengundi di Perwakilan Malaysia adalah sukar bagi SPR untuk melaksanakannya berdasarkan sistem pilihan raya sedia ada dan isu logistik. Pandangan ini turut disokong dengan maklum balas daripada Kementerian Luar Negeri.
- 1.3. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan SPR untuk mengkaji kemungkinan untuk membenarkan warganegara Malaysia yang berada di luar negara untuk mengundi secara pos tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.
- 1.4. Jawatankuasa mengambil maklum syarat-syarat yang dicadangkan oleh SPR seperti yang berikut:
 - (a) Telah mendaftar sebagai pemilih; dan
 - (b) Hendaklah balik ke Malaysia sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima (5) tahun terdahulu sehingga pada tarikh memohon untuk mengundi sebagai pengundi pos.
- 1.5. Jawatankuasa mengesyorkan SPR berbincang dengan pihak-pihak berkuasa terlibat dalam tempoh 3 bulan dari tarikh laporan ini diterima oleh Dewan Rakyat bagi membolehkan syarat-syarat tersebut dikuatkuasakan melalui penggubalan kerangka undang-undang yang berkaitan.

- 1.6. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan ini juga akan melibatkan pindaan pada seksyen 16 Akta Pilihan Raya 1958, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.
- 1.7. Jawatankuasa mengesyorkan SPR mengkaji suatu kaedah lain yang melibatkan penghantaran kertas undi melalui pos terus kepada pengundi di luar negara dan penghantaran balik kertas undi itu dibuat melalui pejabat Perwakilan Malaysia untuk dihantar terus ke Ibu Pejabat SPR bagi proses pengiraan undi dan proses seterusnya.

2. MEMBERI KEMUDAHAN MENGUNDI SECARA POS KEPADA PETUGAS SPR DAN MEDIA

- 2.1. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan agar SPR mengkaji sama ada membenarkan petugas media untuk mengundi awal atau pun mengundi secara pos.
- 2.2. Jawatankuasa mengambil maklum kaedah pengundian bagi petugas SPR adalah secara pos.
- 2.3. Jawatankuasa mengambil maklum ulasan SPR supaya petugas media diberi kemudahan mengundi secara pos yang akan diwartakan di bawah Peraturan 3(1)(f) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.
- 2.4. Jawatankuasa mengambil maklum semua petugas media yang disahkan oleh majikan sebagai petugas media dan kena bertugas pada hari mengundi di luar kawasan pendaftarannya yang berhasrat untuk mengundi secara pos hendaklah memohon untuk berbuat demikian melalui Borang 1 (Permohonan bagi Kertas Undi Pos) menurut Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.
- 2.5. Jawatankuasa mengesyorkan supaya SPR melantik lebih petugas pilihan raya daripada tempat mereka mengundi supaya dapat mengurangkan bilangan petugas yang perlu mengundi secara pos.
- 2.6. Jawatankuasa mengesyorkan petugas media diberi kemudahan mengundi secara pos menurut Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.

3. PENGUNDI LUAR KAWASAN

- 3.1. Jawatankuasa menyusuli syor dalam Laporan Jawatankuasa (DR. 3/2011) supaya SPR menyediakan kemudahan kepada pengundi-pengundi yang berada di luar kawasan pendaftarannya terutama daripada Sabah dan Sarawak serta pengundi dari Semenanjung yang bertugas di Sabah dan Sarawak untuk mengundi di mana-mana tempat mengundi tanpa perlu pulang ke kawasan pendaftaran asalnya.
- 3.2. Jawatankuasa mengambil maklum kesukaran SPR untuk mengendalikan pengundi yang berada di luar kawasan pendaftarannya untuk mengundi di mana-mana tempat mengundi tanpa perlu pulang ke kawasan pendaftaran asalnya kerana ia melibatkan urusan logistik yang rumit, tenaga kerja yang terhad dan undang-undang sedia ada tidak membenarkan seseorang pemilih mengundi di tempat mengundi yang bukan namanya didaftarkan.
- 3.3. Jawatankuasa mengambil maklum kehendak Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan warganegara yang bermastautin di dalam sesuatu bahagian pilihan raya berhak mengundi di dalam bahagian pilihan raya itu. Manakala Peraturan 15 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 hanya membenarkan seseorang pengundi mengundi di tempat mengundi yang bahagian daftar pemilih yang mengandungi namanya telah diumumkan.
- 3.4. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan ini memerlukan kajian dibuat sama ada Perlembagaan Persekutuan perlu dipinda berhubung dengan isu pemastautinan selain pindaan kepada mana-mana peraturan yang berhubung dengan pilihan raya.
- 3.5. Jawatankuasa mengesyorkan SPR mengkaji kaedah pengundian terbaik seperti tatacara yang dicadangkan untuk pengundian warganegara Malaysia di luar negara bagi pengundi yang berada di luar kawasan termasuk kaedah pengundian awal tertakluk kepada apa-apa pindaan undang-undang yang berkenaan.

4. MEMBENARKAN PRAPENDAFTARAN SESEORANG WARGANEGARA UNTUK DIDAFTARKAN SEBAGAI PEMILIH APABILA MENCAPAI UMUR 20 TAHUN

- 4.1. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan membenarkan seseorang warganegara yang layak memohon untuk didaftarkan sebagai pemilih hanya apabila seseorang itu mencapai umur 21 tahun.

- 4.2. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan untuk membenarkan prapendaftaran seseorang warganegara apabila mencapai umur 20 tahun untuk didaftarkan sebagai pemilih dan hanya dibenarkan mengundi apabila seseorang warganegara itu mencapai umur 21 tahun.
- 4.3. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa bagi membolehkan cadangan ini dilaksanakan pindaan hendaklah dibuat kepada Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan.
- 4.4. Jawatankuasa mengesyorkan SPR mengkaji cadangan ini untuk dilaksanakan dalam tempoh Parlimen Ketiga Belas.

5. TARIKH PEMBUBARAN PARLIMEN

- 5.1. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa di bawah Fasal (3) Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan melainkan jika dibubarkan terlebih dahulu, Parlimen hendaklah terus berjalan selama lima tahun dari tarikh mesyuarat pertamanya dan selepas itu adalah terubur.
- 5.2. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa terdapat cadangan tarikh Parlimen dibubarkan dinyatakan dalam peruntukan undang-undang bagi memudahkan persediaan oleh semua pihak yang terlibat dalam proses pilihan raya.
- 5.3. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa kuasa untuk menentukan tarikh pembubaran Parlimen bukan merupakan kuasa SPR mengikut peruntukan undang-undang dan turut mengambil maklum bahawa kuasa SPR hanya dalam menetapkan tarikh pilihan raya setelah Parlimen dibubarkan.
- 5.4. Jawatankuasa mengesyorkan tempoh Parlimen hanya boleh dibubarkan selepas mencapai tempoh 4 tahun dan hendaklah diperuntukkan dalam undang-undang.

6. KERAJAAN SEMENTARA (*CARETAKER GOVERNMENT*)

- 6.1. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan diwujudkan kerajaan sementara selain kerajaan yang memerintah sebaik selepas Parlimen dibubarkan bertujuan bagi memastikan negara ditadbir sementara kerajaan yang baru dibentuk.
- 6.2. Jawatankuasa mengesyorkan SPR dalam tempoh 3 bulan dari tarikh laporan ini dibentangkan dapat menyediakan suatu garis panduan dan

kod etika tatalaku (*code of conduct*) terpakai bagi mana-mana pihak yang kena menjalankan fungsi kerajaan sementara sehinggalah suatu kerajaan yang baru dibentuk di peringkat Persekutuan atau negeri.

7. PENGUATKUASAAN PERATURAN SEDIA ADA BERHUBUNG KESALAHAN MEMBERIKAN MAKLUMAT PALSU DALAM URUSAN PENDAFTARAN

- 7.1. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan menguatkuasakan peraturan sedia ada berhubung kesalahan memberikan maklumat palsu dalam urusan pendaftaran.
- 7.2. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa terdapat kemungkinan maklumat palsu diberikan dalam urusan-urusan seperti yang berikut:
 - i) urusan pertukaran alamat mastautin di JPN; dan
 - ii) urusan pertukaran alamat kawasan pendaftaran di SPR,yang merupakan kesalahan di bawah Akta 5 dan peraturan sedia ada.
- 7.3. Jawatankuasa mengambil maklum adanya peruntukan dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5] dan Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 yang mengadakan peruntukan kesalahan bagi mana-mana orang yang memberi maklumat palsu dalam urusan pendaftaran pemilih dan pertukaran alamat dalam kad pengenalan.
- 7.4. Jawatankuasa mengambil maklum SPR dalam menguatkuasakan Akta 5 adalah bergantung kepada kerjasama pihak berkuasa lain seperti polis.
- 7.5. Jawatankuasa mengambil maklum terdapatnya peruntukan di bawah Akta 5 dan Peraturan 25(1) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 masing-masing berhubung dengan kesalahan memberikan maklumat palsu dalam permohonan pendaftaran dan permohonan pertukaran alamat di kad pengenalan.
- 7.6. Jawatankuasa mengesyorkan perjawatan tambahan diwujudkan bagi menubuhkan suatu pasukan penguat kuasa khas SPR dalam menguatkuasakan undang-undang di bawah bidang kuasa SPR tanpa lagi perlu bergantung kepada pihak berkuasa lain.

(II) MENAMBAH BAIK PROSES PILIHAN RAYA

8. MEMANJANGKAN TEMPOH BERKEMPEN

- 8.1. Jawatankuasa mengambil maklum subperaturan 3(1) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 memperuntukkan tempoh minimum 7 hari bagi maksud berkempen.
- 8.2. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan supaya SPR menetapkan suatu tempoh berkempen yang lebih panjang dalam sesuatu pilihan raya bagi memberi ruang berkempen yang lebih lama dan pada masa yang sama urusan mengembalikan undi pos dapat dibuat dengan wajar.
- 8.3. Jawatankuasa juga mengambil maklum pandangan berbeza bahawa tempoh berkempen yang terlalu panjang mendatangkan kesukaran kepada aktiviti berkempen di sesetengah bahagian pilihan raya di samping kos yang tinggi.
- 8.4. Jawatankuasa mengesyorkan SPR mengambil kira semua pandangan yang diberikan dalam menentukan suatu tempoh berkempen menurut peruntukan undang-undang dengan tempoh tidak kurang daripada 10 hari.

9. AKSES MEDIA YANG BEBAS DAN SAKSAMA

- 9.1. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan akses media yang bebas dan saksama diberi kepada semua parti dan calon yang bertanding dalam sesuatu pilihan raya.
- 9.2. Jawatankuasa mengambil maklum kesediaan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan untuk memberikan akses yang adil kepada semua parti dan calon yang diselaraskan oleh SPR.
- 9.3. Jawatankuasa mengesyorkan SPR meneliti Fasal (2) Perkara 115 Perlembagaan Persekutuan yang boleh meminta pihak berkuasa awam untuk memberikan apa-apa bantuan yang dapat dilaksanakan kepada Suruhanjaya dalam menunaikan tugasnya termasuk Kementerian dan agensi berkaitan berhubung dengan hal perkara yang melibatkan akses media yang bebas dan saksama kepada semua parti dan calon yang bertanding dalam sesuatu pilihan raya.

(III) MENINGKATKAN MUTU DAFTAR PEMILIH

10. PEMBERSIHAN DAFTAR PEMILIH YANG BERTERUSAN

- 10.1. Jawatankuasa menyusuli syor dalam Laporan Jawatankuasa (DR. 3/2011) untuk MIMOS menjalankan verifikasi terhadap daftar pemilih dengan kerjasama SPR dan JPN.
- 10.2. Jawatankuasa mengambil maklum hasil verifikasi oleh MIMOS itu menunjukkan usaha pembersihan daftar pemilih secara berterusan dijalankan oleh SPR dengan kerjasama JPN. Hasil verifikasi oleh MIMOS mendapati tidak wujud pendaftaran berganda (*duplicate registration*) bagi setiap nombor kad pengenalan 12 angka (KP12) yang dikeluarkan oleh JPN.
- 10.3. Jawatankuasa mengambil maklum terdapat di kalangan anggota polis dan tentera yang masih belum memohon MyKad atau MyTentera. Sehingga 20 Mac 2012, terdapat sebanyak 483 rekod anggota polis dan 653 rekod anggota tentera dalam daftar pemilih SPR yang belum mempunyai nombor KP12.
- 10.4. Jawatankuasa mengesyorkan Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia memantau dan mengambil tindakan berkenaan perkara yang disebut di perenggan 10.3 dalam tempoh 60 hari dari tarikh laporan ini dibentangkan di Dewan Rakyat.
- 10.5. Jawatankuasa juga mengesyorkan SPR memberi keutamaan kepada usaha berterusan untuk membersihkan daftar pemilih dengan kerjasama JPN bagi memastikan daftar pemilih yang akan digunakan bagi mana-mana Pilihan Raya adalah mantap dan bermutu tinggi dari segi kualiti kesahihan dan integriti maklumat (terkini dan sebagainya).
- 10.6. Jawatankuasa mengesyorkan supaya suatu agensi bebas dan bertauliah seperti MIMOS dapat membantu menyemak daftar pemilih secara berterusan bagi mempertingkatkan usaha pembersihan daftar pemilih.
- 10.7. Jawatankuasa mengesyorkan supaya sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen ditubuhkan untuk mengawasi dan meneliti semua usaha penyemakan dan pembersihan daftar pemilih yang dicadangkan di perenggan 10.6 di atas dan melaksanakan tugas-tugas lain yang dirujukkan kepada Jawatankuasa tersebut.

11. PENELITIAN DAFTAR PEMILIH BAGI ALAMAT-ALAMAT YANG MEMPUNYAI RAMAI PEMILIH BERDAFTAR

11.1. Jawatankuasa mengambil maklum hasil verifikasi oleh MIMOS mendapati 324 alamat yang mempunyai lebih 100 orang pemilih dan 938 alamat yang mempunyai antara 51 hingga 100 orang pemilih. Dalam penelitian Jawatankuasa Kecil Usaha Menambah Baik Daftar Pemilih, antara faktor-faktor yang menyumbang kepada keadaan ini adalah seperti yang berikut:

- i) alamat pendaftaran pemilih yang tidak lengkap;
- ii) alamat pendaftaran pemilih yang terlalu umum yang menggunakan alamat seperti 'kampung', 'rumah pangsa', 'rumah panjang' dan 'jalan' tanpa butiran nombor rumah yang kebanyakan berlaku di kawasan luar bandar;
- iii) alamat pendaftaran pemilih yang dikongsi seperti alamat tempat asal/kelahiran atau alamat rumah yang disewa yang tidak dikemas kini setelah berpindah; dan
- iv) alamat pendaftaran "pinjaman" iaitu alamat yang digunakan oleh seseorang pemilih untuk membolehkan didaftarkan di sesuatu kawasan pendaftaran yang dikehendaki.

11.2. Jawatankuasa mengesyorkan SPR mempamerkan dalam tempoh 45 hari dari tarikh laporan ini dibentangkan senarai pemilih yang alamatnya diragui di mana terdapat melebihi 50 pengundi di satu alamat yang sama untuk memaklumkan kepada pemilih yang terlibat supaya mereka boleh tampil kepada SPR serta membolehkan SPR mengemas kini dan membersihkan senarai tersebut.

11.3. Hasil kerja penyemakan hendaklah dilaporkan kepada Jawatankuasa yang dicadangkan di perenggan 10.7.

12. BANTAHAN TERHADAP DAFTAR PEMILIH YANG TELAH DIPERAKUI MELALUI ADUAN ATAU MAKLUM BALAS DARIPADA PARTI POLITIK, PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN DAN SEBAGAINYA

12.1. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan membolehkan bantahan terhadap daftar pemilih yang telah diperakui dibuat melalui aduan atau maklum balas daripada parti politik, pertubuhan bukan kerajaan dan sebagainya.

- 12.2. Jawatankuasa mengambil maklum peraturan sedia ada hanya membenarkan bantahan dibuat terhadap nama pemilih yang dipamerkan semasa Pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan.
- 12.3. Jawatankuasa mengambil maklum daftar pemilih yang telah diperakui boleh dibuat pemotongan atas alasan kematian dan lucutan atau tolakan warganegara setelah Ketua Pendaftar berpuas hati mengenai alasan itu yang disahkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.
- 12.4. Jawatankuasa mengambil maklum SPR tidak mempunyai kuasa untuk memotong nama pemilih yang telah disahkan daripada daftar pemilih atau memindahkan pemilih dari suatu bahagian pilihan raya ke suatu bahagian pilihan raya yang lain hanya berdasarkan kepada aduan mana-mana pihak.
- 12.5. Jawatankuasa mengesyorkan suatu peruntukan undang-undang dikaji untuk memberikan SPR kuasa untuk memotong nama pemilih yang telah disahkan daripada Daftar Pemilih Induk (DPI) atau memindahkan pemilih dari suatu bahagian pilihan raya ke suatu bahagian pilihan raya yang lain berdasarkan kepada aduan yang dikemukakan oleh pihak awam dengan bukti yang sah.

13. KAJIAN KE ARAH PENDAFTARAN SECARA AUTOMATIK

- 13.1. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan untuk melaksanakan pendaftaran pemilih secara automatik bagi warganegara yang mencapai umur 21 tahun.
- 13.2. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan untuk melaksanakan pendaftaran automatik ini memerlukan pindaan kepada Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan dan peraturan-peraturan yang berkaitan.
- 13.3. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa cadangan ini mempunyai asas yang baik, namun ia hanya boleh dilaksanakan dalam jangka masa panjang memandangkan usaha pembersihan daftar pemilih secara keseluruhan perlu diutamakan. Siasatan lanjut mengenai daftar pemilih yang diragui seperti yang dibangkitkan di negeri Sabah serta syor Jawatankuasa berhubung dengan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja perlu dilaksanakan supaya mencapai matlamat daftar pemilih yang diyakini oleh semua pihak sebelum terlaksananya cadangan pendaftaran secara automatik.

13.4. Jawatankuasa mengesyorkan SPR membuat kajian dan mengambil tindakan dalam tempoh 12 bulan bagi membolehkan cadangan ini dilaksanakan pada masa hadapan.

14. PENGGUNAAN ALAMAT SELAIN ALAMAT MASTAUTIN PADA KAD PENGENALAN SEBAGAI ALAMAT PENDAFTARAN UNTUK MENENTUKAN BAHAGIAN PILIHAN RAYA

14.1. Jawatankuasa mengambil maklum senario semasa yang mana jumlah pengundi di kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak semakin berkurangan kerana penghijrahan golongan belia ke kawasan bandar untuk mendapatkan pekerjaan.

14.2. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan untuk menggunakan alamat selain alamat di kad pengenalan sebagai alamat pendaftaran untuk menentukan kawasan pendaftaran.

14.3. Jawatankuasa mengambil maklum jika cadangan ini dilaksanakan, implikasinya adalah seperti yang berikut:

- i) Jika alamat selain alamat di kad pengenalan digunakan, kemungkinan alamat itu tidak dapat disahkan melalui apa-apa dokumentasi yang sah;
- ii) Ada kemungkinan orang mendaftar menggunakan alamat yang dia tidak bermastautin; dan
- iii) Ada kemungkinan terdapatnya peningkatan bantahan terhadap Rang Daftar Pemilih Tambahan atas alasan orang itu tidak bermastautin di alamat yang digunakan jika alamat selain alamat di kad pengenalan digunakan.

14.4. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa warganegara yang layak mendaftar mempunyai hak untuk memilih mendaftar di mana kawasan pendaftaran berpandukan kepada alamat terkini seperti di kad pengenalan. Adalah menjadi tanggungjawab mana-mana orang untuk menukar alamat di kad pengenalannya di JPN jika dia telah berpindah ke alamat yang lain. SPR tidak boleh mengambil apa-apa tindakan untuk menukar kawasan pendaftaran mana-mana orang jika orang itu enggan menukar alamat di kad pengenalannya.

14.5. Jawatankuasa mengesyorkan supaya parti-parti politik memainkan peranan dalam menasihatkan pemilih menukarkan alamat pendaftaran yang wajar di JPN sebelum mendaftar sebagai pemilih baru atau mendaftar tukar alamat pusat mengundi dengan SPR.

- 14.6. Jawatankuasa turut mengesyorkan supaya SPR mengkaji tatacara dan implikasi peraturan yang diamalkan di negara lain yang membolehkan pengundi memilih antara alamat tetap (kampung asal atau tempat lahir) atau alamat tempat bekerja (*place of employment*) sebagai alamat pendaftaran pengundi khususnya di Sabah dan Sarawak.

(IV) MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKAN SPR

15. MEMPERKASAKAN KEDUDUKAN SPR

- 15.1. Jawatankuasa mengambil maklum penubuhan SPR di bawah Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan yang dianggotai oleh tujuh (7) orang yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja dengan mengambil kira peri mustahaknya mendapat kepercayaan awam.
- 15.2. Jawatankuasa mengambil maklum pandangan dan maklum balas yang mempersoalkan kebebasan SPR.
- 15.3. Jawatankuasa mengesyorkan bagi menolak dakwaan tentang ketidakbebasan SPR, pelantikan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Anggota-anggota SPR dijalankan sebagaimana pelantikan yang dibuat bagi Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi.
- 15.4. Jawatankuasa turut mengesyorkan SPR diberi kuasa mengadakan bajetnya sendiri dan diletakkan dan bertanggungjawab terus kepada Parlimen bagi memastikan isu kebebasan SPR tidak lagi dipersoalkan.
- 15.5. Jawatankuasa juga mengesyorkan suatu Suruhanjaya Perkhidmatan ditubuhkan untuk melantik pegawai sendiri dan diwujudkan suatu skim perkhidmatan khusus kepada pegawai dan anggota perkhidmatan SPR.

16. PENSTRUKTURAN DAN PENGUKUHAN SPR

- 16.1. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa SPR dalam menjalankan fungsinya di bawah Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan memerlukan bantuan dari pihak-pihak lain. Kuasa untuk mendapatkan bantuan ini diperuntukkan di bawah Fasal (2) Perkara 115 Perlembagaan Persekutuan dan pelantikan pegawai-pegawai yang dibuat di bawah Akta Pilihan Raya 1958.

- 16.2. Jawatankuasa mengambil maklum sumber manusia yang terhad di SPR dan kebergantungan SPR dengan pihak lain dalam menjalankan fungsinya itu.
- 16.3. Jawatankuasa mengambil maklum dari pemerhatian Lawatan Kerja ke UK, Jerman dan Denmark, tiga fungsi utama SPR itu dijalankan oleh badan yang berasingan.
- 16.4. Jawatankuasa mengesyorkan berdasarkan kepada beban dan bidang tugas SPR yang luas, organisasi SPR perlu distruktur semula dengan diberi kuasa yang sewajarnya bagi memastikan penguatkuasaan undang-undang pilihan raya dijalankan oleh badan penguatkuasaan SPR sendiri dan mengurangkan kebergantungan kepada pihak-pihak yang lain, keperluan sumber manusia SPR ditambah dan perjawatan sedia ada dinaik taraf serta peruntukan kewangan yang mencukupi diperuntukkan sesuai dengan peranan, tanggungjawab, bebanan dan cabaran semasa.

17. MEMPERLUASKAN AKADEMI PILIHAN RAYA

- 17.1. Jawatankuasa mengambil maklum wujudnya Akademi Pilihan Raya sejak tahun 2007 dengan sumber manusia, peruntukan kewangan dan kemudahan yang terhad dalam menjalankan fungsinya termasuklah pendidikan pengundi, kesedaran mengundi dan latihan kepada petugas pilihan raya.
- 17.2. Jawatankuasa mengambil maklum keperluan memperkasa Akademi Pilihan Raya dengan menambah sumber manusia, peruntukan kewangan serta diwujudkan bangunan khusus untuk menempatkan Akademi Pilihan Raya yang dilengkapi dengan kemudahan pusat latihan sebagaimana pusat latihan jabatan dan agensi kerajaan yang lain.
- 17.3. Jawatankuasa mengesyorkan Kerajaan menambah sumber manusia, peruntukan kewangan dan kemudahan Akademi Pilihan Raya bagi memastikan matlamat penubuhan Akademi Pilihan Raya, khususnya dalam memberi pendidikan kepada semua pihak yang terlibat dalam proses pilihan raya termasuklah warganegara Malaysia tentang hak mengundi dapat dijalankan dengan lebih berkesan.
- 17.4. Jawatankuasa turut mengesyorkan suatu Lembaga Penasihat yang dianggotai oleh pelbagai parti politik dan wakil NGO bagi memberi pandangan/nasihat kepada Akademi Pilihan Raya.

18. PENGASINGAN FUNGSI UTAMA SPR

- 18.1. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa tiga fungsi utama SPR di bawah Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan adalah menjalankan pilihan raya, menguruskan pendaftaran pemilih dan mengkaji semula bahagian pilihan raya.
- 18.2. Jawatankuasa mengesyorkan sebagai langkah jangka panjang, cadangan tiga fungsi utama SPR iaitu untuk menjalankan pilihan raya, menguruskan pendaftaran pemilih dan mengkaji semula bahagian pilihan raya diasingkan kepada tiga badan yang bebas.

(V) PERSEMPADANAN, PEMBIAYAAN POLITIK DAN SISTEM ALTERNATIF

19. PENGAGIHAN KERUSI DEWAN RAKYAT BAGI NEGERI SABAH DAN SARAWAK

- 19.1. Jawatankuasa mengambil maklum terdapat cadangan supaya jumlah keseluruhan kerusi di Dewan Rakyat diseimbangkan di antara kerusi bagi Semenanjung dengan kerusi negeri Sabah dan Sarawak seperti mana diperuntukkan dalam dokumen Inter-Government Committee (IGC) semasa penubuhan Malaysia iaitu Sabah, Sarawak dan Singapura memperoleh 34 peratus daripada kerusi di Dewan Rakyat pada penggal tersebut.
- 19.2. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa cadangan diperuntukkan 34 peratus daripada jumlah kerusi di Dewan Rakyat adalah bagi memastikan kuasa seimbang boleh digunakan oleh mana-mana wakil Sabah dan Sarawak bagi memastikan suara dan kepentingan yang melibatkan negeri Sabah dan Sarawak dalam semua hal yang berkaitan undang-undang dapat dipertahankan.
- 19.3. Jawatankuasa mengesyorkan suatu kajian terperinci dibuat atas cadangan di atas untuk dilaksanakan dengan mengambil kira prinsip pembentukan Malaysia.

20. PERSEMPADANAN BAHAGIAN PILIHAN RAYA YANG SEIMBANG

- 20.1. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan urusan kajian persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri mengambil kira keseimbangan jumlah pemilih termasuk wajaran kawasan luar bandar (*rural weightage*) dan juga memenuhi prinsip 'Satu Orang, Satu Undi'.

- 20.2. Jawatankuasa mengesyorkan SPR menyemak semula Jadual Ketigabelas Perlembagaan Persekutuan bertujuan memberi makna sepenuhnya kepada prinsip 'Satu Orang, Satu Undi' dan mengembalikan wajaran kawasan luar bandar (*rural weightage*).
- 20.3. Jawatankuasa mengesyorkan SPR menentukan satu formula yang adil dan saksama berdasarkan satu prinsip yang tetap dalam menentukan jumlah pengundi di sesuatu bahagian pilihan raya dalam satu negeri tidak berbeza dengan ketara.

21. PERUNTUKAN DANA KEPADA PARTI POLITIK

- 21.1. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan agar Kerajaan mengadakan peruntukan dana kepada parti politik mengikut jumlah kerusi yang diperolehi dalam pilihan raya dalam usaha untuk menyuburkan sistem demokrasi di negara ini serta membendung gejala rasuah oleh ahli politik dalam pilihan raya.
- 21.2. Jawatankuasa juga mengambil maklum bahawa mekanisme pelaksanaannya perlu dikaji secara mendalam memandangkan ia melibatkan implikasi kewangan Kerajaan serta pindaan kepada aspek perundangan. Perkara ini wajar diberi perhatian untuk dilaksanakan dalam jangka masa panjang.
- 21.3. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan untuk setiap parti politik mengisytiharkan apa-apa sumbangan yang diterima dari mana-mana sumber semasa kempen pilihan raya.
- 21.4. Jawatankuasa mengesyorkan Kerajaan mengadakan peruntukan dana dan menggubal formula yang sesuai bagi parti politik dan calon yang menang mengikut jumlah kerusi yang dimenangi dan undi yang diperolehi dalam pilihan raya mengikut agihan 50% untuk kerusi yang dimenangi dan 50% untuk jumlah undi yang diperolehi, tertakluk kepada apa-apa pindaan undang-undang yang berkenaan dan juga kaedah yang akan digubal.

22. SISTEM PILIHAN RAYA BARU

- 22.1. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa sistem pilihan raya yang diamalkan di Malaysia sejak merdeka sehingga sekarang ialah Sistem Majoriti Mudah (*First-Past-The-Post*).

- 22.2. Jawatankuasa mengambil maklum cadangan untuk menambah baik Sistem Majoriti Mudah (*First-Past-The-Post*) sedia ada ataupun mengkaji apa-apa sistem pilihan raya lain seperti sistem campuran (*First-Past-The-Post* dan *Proportionate Representation*) atau Sistem Perwakilan Berkadaran (*Proportionate Representation*).
- 22.3. Jawatankuasa mengesyorkan supaya SPR meneliti cadangan ini kerana ia merupakan perkara yang melibatkan dasar yang perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan dan melaporkan semula kepada Jawatankuasa seperti di perenggan 10.7.

RUMUSAN JAWATANKUASA

Jawatankuasa mengesyorkan semua syor yang terkandung dalam laporan ini dipertimbangkan bagi menambah baik proses pilihan raya dan mengukuhkan SPR bagi menjamin proses pilihan raya yang bebas dan adil.

BAHAGIAN VIII

PENGHARGAAN

1. Jawatankuasa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat termasuklah individu, persatuan-persatuan, parti politik dan pertubuhan-pertubuhan yang telah memberikan kerjasama dengan tampil di hadapan Jawatankuasa untuk memberi keterangan dan mengemukakan memorandum dan cadangan yang berkaitan mengenai penambahbaikan proses pilihan raya.
2. Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan kemudahan-kemudahan dan pengangkutan terutamanya kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Sarawak, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang, Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor yang telah memberi kerjasama kepada Jawatankuasa ini semasa mengadakan sesi pendengaran awam.
3. Sekalung penghargaan kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya serta kepada semua kementerian / agensi / jabatan sama ada di peringkat pusat atau negeri yang menganggotai Jawatankuasa Kecil dan induk terutamanya kepada agensi teraju Jawatankuasa Kecil, iaitu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), serta agensi-agensi lain seperti Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan rasuah Malaysia (SPRM), Kementerian Pertahanan, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, dan MIMOS Berhad serta kepada pihak Parlimen Malaysia atas sumbangan yang dicurahkan untuk menyempurnakan fungsi-fungsi dan peranan Jawatankuasa ini berlandaskan kepada terma rujukan selaras dengan tujuan penubuhannya.
4. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Suruhanjaya Tinggi Malaysia di London, United Kingdom, Konsulat Jeneral Malaysia di Frankfurt, Jerman, Kedutaan Besar Malaysia di Berlin, Jerman dan Kedutaan Besar Malaysia di Stockholm, Sweden atas bantuan dan kerjasama sepanjang Lawatan Kerja Jawatankuasa ini ke United Kingdom, Jerman dan Denmark.
5. Jawatankuasa merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen Malaysia atas kepercayaan kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya yang mengambil bahagian dalam perbahasan Usul dan menyumbang dalam apa jua bentuk bagi menjayakan usaha Jawatankuasa ini dalam menambah baik proses pilihan raya Malaysia.

**JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
BERHUBUNG DENGAN PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA**



Dari kiri:


- (i) YBhg Datuk Roosme bt Hamzah [Setiausaha Dewan Rakyat merangkap Setiausaha Jawatankuasa]
- (ii) YB Tuan Loke Siew Fook (Ahli bagi Kawasan Rasah)
- (iii) YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Ahli bagi Kawasan Gombak)
- (iv) YB Tan Sri Dr. Fong Chan Onn (Ahli bagi Kawasan Alor Gajah)
- (v) YB Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili
(Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi) [Pengerusi]
- (vi) YB Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Ahli bagi Kawasan Kangar)
- (vii) YB Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli (Ahli bagi Kawasan Kuala Krai)
- (viii) YB Datuk Alexander Nanta Linggi (Ahli bagi Kawasan Kapit)
- (ix) YB Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan (Ahli bagi Kawasan Hulu Selangor)
- (x) YB Tuan Wee Choo Keong (Ahli bagi Kawasan Wangsa Maju)

KEPUTUSAN SEMAKAN DAFTAR PEMILIH DI LAMAN WEB SPR


DAFTAR PEMILIH YANG TELAH DISAHKAN	
PERKARA	PENERANGAN
Kad Pengenalan	811 36
Nama	ZARINA BINTI ABU TAUSI
Tarikh Lahir	01 Oct 1981
Jantina	PEREMPUAN
Lokaliti	161 / 47 / 11 / 005 - JLN. KEWANGAN
Daerah Mengundi	161 / 47 / 11 - DESA RAHMAT
DUN	161 / 47 - KEMPAS
Parlimen	161 - PULAI
Negeri	JOHOR
STATUS REKOD	-
Untuk sebarang maklumat, sila klik :	

PERMOHONAN YANG SEDANG DIPROSES	
PERKARA	PENERANGAN
Kad Pengenalan	81 36 /
Nama	ZARINA BINTI ABU TAUSI
Jantina	P
Lokaliti	085 / 20 / 01 / 612 - MATRA 4 TUDM KUANTAN
Daerah Mengundi	085 / 20 / 01 - SERI MAHKOTA
DUN	085 / 20 - PULAU MANIS
Parlimen	085 - PEKAN
Negeri	PAHANG
Jenis Permohonan	Pendaftaran Baru
STATUS REKOD	DALAM PROSES PENGESAHAN DAFTAR PEMILIH
Untuk sebarang maklumat, sila klik :	

PELAN SUSUN ATUR DALAM TEMPAT MENGUNDI



PELAN SUSUN ATUR BAGI TEMPAT MENGUNDI 1 PINTU



PELAN SUSUN ATUR BAGI TEMPAT MENGUNDI 2 PINTU



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2012
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773